



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
MASRUN BIN TAMISI (HERMAN TINO),**

**ANAK SENI ERA 80-AN**

**MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI ARTIS VETERAN**

**NURIN ZULAIKHA BINTI MD FADZIL**

**(2019612242)**

**SITI NOOR KHADIJAH BINTI ABDUL HALIM**

**(2019476118)**

**SEMESTER OKTOBER 2021- FEBRUARI 2022**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
MASRUN BIN TAMISI (HERMAN TINO),  
ANAK SENI ERA 80-AN**

**MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI ARTIS VETERAN**

**NURIN ZULAIKHA BINTI MD FADZIL**

**(2019612242)**

**SITI NOOR KHADIJAH BINTI ABDUL HALIM**

**(2019476118)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER OKTOBER 2021- FEBRUARI 2022**

## ISI KANDUNGAN

ABSTRAK .....	i
PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI ABREVIASI .....	iii
SENARAI SINGKATAN .....	iv
RUJUKAN KATA .....	v
<b>1.0 BIODATA PENEMUBUAL .....</b>	<b>1</b>
<b>1.1 PENEMUBUAL PERTAMA .....</b>	<b>1</b>
<b>1.2 PENEMUBUAL KEDUA.....</b>	<b>2</b>
<b>2.0 BIODATA TOKOH.....</b>	<b>3</b>
<b>2.1 BIODATA TOKOH.....</b>	<b>3</b>
<b>2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH.....</b>	<b>4</b>
<b>3.0 SEJARAH LISAN.....</b>	<b>5</b>
<b>3.1 PENGENALAN.....</b>	<b>5</b>
<b>3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN.....</b>	<b>6</b>
<b>3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN .....</b>	<b>6</b>
<b>4.0 KAJIAN LITERATUR .....</b>	<b>9</b>
<b>4.1 TOPIK 1: INDUSTRI SENI.....</b>	<b>9</b>
<b>4.1.1 SENI HIBURAN .....</b>	<b>9</b>
<b>4.1.2 SENI MUZIK.....</b>	<b>10</b>
<b>4.1.3 SENI LAKONAN .....</b>	<b>10</b>
<b>4.2 TOPIK 2: ARTIS VETERAN.....</b>	<b>11</b>
<b>5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH.....</b>	<b>13</b>
<b>6.0 LOG TEMUBUAL.....</b>	<b>86</b>
<b>7.0 RALAT.....</b>	<b>95</b>
<b>8.0 GLOSARI.....</b>	<b>96</b>
<b>9.0 INDEKS .....</b>	<b>98</b>
<b>10.0 BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>101</b>
<b>11.0 LAMPIRAN.....</b>	<b>104</b>
<b>11.1 BIOGRAFI TOKOH .....</b>	<b>104</b>
<b>11.2 SURAT PERJANJIAN .....</b>	<b>105</b>
<b>11.3 SENARAI SOALAN .....</b>	<b>106</b>
<b>11.4 DIARI PENYELIDIKAN .....</b>	<b>115</b>
<b>11.5 GAMBAR, SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN .....</b>	<b>120</b>

## ABSTRAK

*Transkrip ini membicarakan tentang perjalanan hidup seorang tokoh artis veteran yang merupakan antara artis veteran yang terkenal pada tahun 1980-an dan masih aktif sehingga kini iaitu Masrun bin Tamisi atau lebih popular dikenali dengan nama sandaran sebagai Herman Tino. Ramai dalam kalangan masyarakat pada zaman kini terutamanya generasi yang baharu kurang mengenali Herman Tino sebagai artis yang pernah terkenal suatu masa dahulu dengan nyanyian lagu “Mengapa Dikenang Mengapa Difikir”. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang salah satu artis veteran yang masih berkecimpung dalam industri seni tanah air, projek sejarah lisan ini sedaya upaya akan merungkai cerita-cerita atau pengalaman yang tidak pernah dikeluarkan atau diterbitkan oleh artis veteran tersebut. Kajian ini akan menyingkap asam garam artis veteran secara langsung melalui Herman Tino sendiri dalam menjadi seorang artis dalam industri tanah air. Melalui projek sejarah lisan ini juga diharapkan agar masyarakat terutamanya generasi kini yang lebih cenderung meminati artis-artis muda yang mempunyai penampilan serta bakat yang bagus untuk mengenali dengan lebih lanjut tentang artis veteran yang telah lama menapak di dalam industri seni tanah air.*

## KATA KUNCI

Herman Tino, Artis Veteran, Penyanyi, Pelakon, Industri Muzik.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi dengan limpah kurniaNya dan nikmat masa serta tenaga yang dianugerahkan kepada kami, dapat juga kami menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Pertamanya, kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan kepada pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin kerana dengan bimbingan dan tunjuk ajar daripadanya telah membuka ruang dan kesempatan untuk menyiapkan tugas ini sampai berhasil.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa kami yang telah menjadi pemudahcara untuk menyiapkan kerja kursus ini. Mereka telah menyediakan dan memberi segala kemudahan serta sokongan moral sehingga kami berjaya untuk menyiapkan tugas ini.

Ucapan penghargaan ini juga kami tujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak memberi dorongan dan peringatan terhadap setiap perkara yang mungkin terlepas pandang. Jadi, mereka telah membantu kami dengan menjawab segala pertanyaan yang telah kami utarakan kepada mereka.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam proses menyiapkan kerja kursus ini.

Sekian, terima kasih.

**SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
RTM	Radio Televisyen Malaysia
TV	Televisyen
KL	Kuala Lumpur
EMI	Electric and Musical Industries
GRO	wanita pelayan pelanggan
DJ	disc jockey
PRU-13	Pilihan Raya Umum ke-13

## **SENARAI SINGKATAN**

HT: Herman Tino

NZ: Nurin Zulaikha

SNK: Siti Noor Khadijah

## RUJUKAN KATA

Ada	Terdapat
Aje/ Ajelah	Saja/ Sahaja lah
Ambik	Ambil
Anu	Itu
Bagi	Beri
Bila	Apabila
Cakap	Kata/bicara
Carik	Lerai
Cer	Cuba
Dah	Sudah
Dekat	Di
Depan	Hadapan
Dulu	Dahulu
Eh	Ya
Enteng	Mudah
Gerenti	Jaminan
Gini	Begini
Gitu	Begitu
Heh	Ya
Je	Sahaja
Jom	Mari
Jugak	Juga
Kali ni	Kali ini
Karier	Kerjaya
Kat	Dekat
Ke	Atau
Kecik	Kecil
Kecikkan	Kecilkan
Kekadang	Kadang-kadang
Kocek	Poket
Kompeni	Syarikat



Kot	Mungkin
Laki	Suami
Lepastu	Selepas itu
Macam itu	Begitu
Macam mana/ Macam mana pun	Bagaimana/ Bagaimanapun
Macam ni	Seperti ini
Masa tu	Masa itu
Masuk	Menyertai
Mintak	Minta
Nak	Hendak
Ni	Ini
Pak	Bapak
Pastu	Selepas itu,
Payah	Susah
Pe'el	Perangai
Popular	Terkenal
Pulak	Pula
Saja	Sahaja
Satu	Seorang
Sebab	Kerana
Sebijik	Sebiji
Sedara	Saudara
Sekecik	Sekecil
Sikit	Sedikit
Slang	Kata-kata
Syok	Suka
Tak	Tidak
Tak ada	Tiada
Tak nak	Tidak hendak
Takde	Tiada
Takmau	Tidak mahu
Tapi	Tetapi

Tengok	Lihat
Tentang	Mengenai
Terbawak-bawak	Terbawa-bawa
Tu	Itu
Tu lah	Itulah
Tulen	Asli
Udah	Sudah
Yelah	Baiklah
Yo	Ya

**BIODATA**  
**PENEMUBUAL**

## 1.0 BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 PENEMBUAL PERTAMA



<b>Nama:</b>	Nurin Zulaikha binti Md Fadzil
<b>Tarikh Lahir:</b>	4 Oktober 1999
<b>Tempat Lahir:</b>	Batu Pahat
<b>Alamat:</b>	Johor
<b>No Telefon:</b>	011-36636925
<b>Emel:</b>	2019612242@student.uitm.edu.my
<b>Program:</b>	Pengurusan Rekod (IM246)

## 1.2 PENEMUBUAL KEDUA



<b>Nama:</b>	Siti Noor Khadijah binti Abdul Halim
<b>Tarikh Lahir:</b>	24 November 1999
<b>Tempat Lahir:</b>	Kluang
<b>Alamat:</b>	Johor
<b>No Telefon:</b>	012-79814960
<b>Emel:</b>	2019476118@student.uitm.edu.my
<b>Program:</b>	Pengurusan Rekod (IM246)

# **BIODATA TOKOH**

## 2.0 BIODATA TOKOH

### 2.1 BIODATA TOKOH



<b>Nama:</b>	Masrun Bin Tamisi
<b>Nama samaran:</b>	Herman Tino
<b>Tarikh Lahir:</b>	5 Disember 1954
<b>Tempat Lahir:</b>	Tanjung Karang
<b>Alamat:</b>	Kuala Selangor, Selangor, Malaysia
<b>No. Telefon:</b>	019-3838032
<b>Email:</b>	-
<b>Profesion:</b>	Artis
<b>Bidang:</b>	Nyanyian dan Lakonan

## 2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH

Tokoh yang dipilih bagi melengkapkan kajian sejarah lisan ini adalah Masrun bin Tarmisi atau lebih popular dikenali sebagai Herman Tino. Beliau dilahirkan pada tanggal 5 Disember 1954 serta merupakan anak jati dari Tanjung Karang, Selangor. Beliau lebih cenderung aktif dalam bidang nyanyian namun beliau juga pernah menceburkan diri dalam bidang lakonan bagi menghiburkan para peminat tanah air. Beliau mula mencipta nama sebagai seorang penyanyi pada tahun 1982 dengan kemunculan album pertamanya iaitu Mengapa Dikenang Mengapa Difikir yang juga telah menjadi fenomena pada tahun 1983. Lagu beliau berjaya bertahan di dalam carta lagu radio selama berpuluh-puluh minggu pada ketika itu.

Pada awalnya, label syarikat beliau sukar untuk menerimanya kerana menyangka beliau seorang pendatang dari negara jiran, Indonesia kerana bertutur dalam lenggok bahasa Jawa serta penampilannya yang sedikit berbeza daripada yang lain. Herman Tino juga sempat berduet bersama almarhum Datuk Sharifah Aina atau lebih mesra dipanggil Kak Pah dalam lagu Serampang Laut walaupun pernah ditolak untuk digandingkan bersama. Rakaman lagu itu dibuat secara rahsia dan berasingan tanpa pengetahuan Datuk Sharifah Aini dan apabila lagu itu keluar, Herman Tino telah dipuji oleh beliau kerana kagum akan bakat nyanyian yang ada.

Herman Tino juga pernah bangkit dengan isu penglibatan beliau dalam bidang politik di mana beliau telah menyertai dalam pilihanraya umum Malaysia 2013 sebagai calon bebas di kerusi parlimen Tanjung Karang. Antara lagu ciptaannya yang masih hangat diperdengarkan sehingga kini ialah Kupendam Biarpun Parah, Akibat Putus Cinta, Pelita Dalam Kabus dan Cinta Tertahan-tahan. Beliau turut muncul berduet bersama arwah Datuk Sharifah Aini dengan mendendangkan lagu popular iaitu Serampang Laut.



# **SEJARAH LISAN**

### 3.0 SEJARAH LISAN

#### 3.1 PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan satu kaedah atau teknik penyelidikan moden yang bertujuan untuk memelihara pengetahuan sejarah melalui pengkisahan yang wujud melalui percakapan atau pertuturan mulut ke mulut oleh seseorang yang terlibat atau menyaksikan sesuatu peristiwa yang berlaku (Rozeman, 2004). Hal ini disokong oleh Rahilah Omar dan Siti Fathihah AL (2017), yang menyatakan sejarah lisan merujuk kepada proses menghasilkan bahan sejarah melalui sesi temu bual, wawancara atau teknik soal jawab yang dihasilkan melalui proses rakaman atau transkripsi. Hal ini dapat disimpulkan bahawa sejarah lisan merujuk kepada metodologi, kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah untuk mendapatkan dan mengesahkan kesahihan fakta sejarah yang diperolehi untuk merekodkan peristiwa lepas yang dialami oleh seseorang.

Sejarah lisan amat penting dalam membantu memberikan gambaran yang lebih lengkap dan jelas mengenai sesuatu perkara yang dialami. Amnya, ia menggambarkan suatu peristiwa yang telah dilakukan oleh pihak tertentu yang kita sendiri tidak tahu pucuk pangkal cerita yang sebenarnya (Mohd. Amin Hassan, 1974). Banyak cerita-cerita yang dapat diperolehi daripada sejarah lisan, bukan sahaja cerita yang mengerikan atau menggerunkan, tetapi cerita keperwiraan tokoh-tokoh tempatan sama ada pada zaman kesultanan Tanah Melayu atau zaman masa kini (Seow Han Lin, 2020). Sejarah lisan sangat istimewa kerana ia dapat menghubungkaitkan zaman lepas dengan zaman kini melalui rakaman detik-detik yang telah berlaku. Penggunaan rakaman dan transkrip dalam bidang sejarah lisan turut dapat mewujudkan cara pengajaran dan pembelajaran yang lebih kondusif serta efektif di mana-mana institusi pendidikan.

Dalam ketetapan perpustakaan dan arkib, sejarah lisan bukanlah suatu perkara yang baharu. Lebih setengah abad telah berlalu, ahli arkib dan pustakawan menggunakan bahan lisan untuk mengisi kekosongan rekod sejarah pada awal 1950-an. Pada tahun 1960-an, bidang penyelidikan sejarah lisan semakin berkembang, dan orang ramai semakin berminat dalam semua aspek teknologi dan penggunaan data sejarah. Disamping itu, pada akhir 1960-an, beberapa artikel di arkib dan perpustakaan telah mengumumkan nilai dokumentarinya (Haron, N., 1979). Sejarah lisan memainkan peranan penting di dalam koleksi penerbitan. Persatuan Sejarah Lisan (OHA) telah ditemui oleh seorang profesor sains perpustakaan bernama Martha Jane K. Zachert

yang menerbitkan artikel "Implikasi Sejarah Lisan untuk Pustakawan" pada tahun sembilan belas enam lapan [tahun 1968], bagi menyerlahkan akauntabiliti perpustakaan dan arkib pada masa akan datang.

### **3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN**

Kajian ini dijalankan oleh pengkaji bagi memenuhi objektif-objektif yang berikut:

1. Untuk mendokumentasikan sumbangan artis veteran dalam industri seni sebagai sumber rujukan pada generasi akan datang.
2. Untuk mengetahui mengapa artis veteran semakin dilupakan di kalangan penerbit, industri seni dan masyarakat masa kini.
3. Untuk mengetahui perjalanan artis veteran sepanjang bergiat dalam bidang seni yang diceburi.

### **3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN**

#### **I. Individu**

Sejarah lisan sememangnya sangat penting bagi individu yang menemu bual untuk tujuan pengumpulan data kerana ianya dilakukan dengan cara berkomunikasi secara terus dengan sumber primer dan juga menjadi bahan tambahan untuk penghasilan suatu kajian sejarah yang lebih mantap dan berobjektif sehingga memungkinkan seseorang itu untuk bertanya mengenai bahagian yang kurang jelas kepada orang yang ditemu bual. Keadaan ini lebih cenderung membenarkan penemubual untuk membayangkan dan merasai keadaan sebenar yang dilalui oleh orang yang terlibat secara langsung. Kebiasaannya, penemubual adalah dari generasi baru yang ingin mengetahui kisah sebenar yang terjadi pada zaman dahulu. Oleh itu, sejarah lisan ini amat penting kepada generasi baru, khasnya generasi yang tidak melalui zaman peperangan, penjajahan dan perjuangan dalam menuntut kemerdekaan. Dengan adanya sumber lisan, generasi-generasi baru ini akan dapat mengenali dan mendalami peristiwa-peristiwa yang telah berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa tersebut. (Rozeman Abu Hassan, 2004)

## **II. Masyarakat**

Dalam konteks sumbangan kepada masyarakat pula menunjukkan bahawa sejarah lisan ini amatlah penting dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar ke dalam sesuatu masyarakat ataupun sebaliknya. Dengan cara kajian sejarah lisan ini, orang yang ditemubual mampu memberi pandangan baharu tentang peristiwa bersejarah kerana pemberi maklumat juga boleh terdiri daripada kalangan orang biasa dan bukan daripada golongan elit sahaja. Lebih lama usia orang yang ditemu bual, lebih banyak juga kisah yang dapat didokumentasikan memandangkan kisah-kisah ini sememangnya tidak mendapat perhatian banyak pihak. Dengan cara ini, ia dapat membantu meningkatkan kualiti dan keyakinan diri setiap lapisan masyarakat. Ia juga dapat menjadi pencetus semangat masyarakat agar lebih menyedari sejarah mereka sendiri dan seterusnya merangsang minat mereka terhadap penyelidikan sejarah lama. Lazimnya, sejarah lisan ini memberi manfaat kepada semua kerana masyarakat tidak biasa meninggalkan kenangan atau kisah-kisah lama secara bertulis. Oleh itu, kaedah sejarah lisan ini adalah pendekatan yang terbaik untuk merekodkan kisah yang tidak pernah digambarkan. Dalam masa yang sama, sejarah lisan juga mampu mencabar lagenda atau sejarah yang telah sedia diketahui oleh masyarakat dan ini akan membuka ruang kepada perubahan dalam pengertian sosial terhadap sejarah.

## **III. Industri Seni**

Pelaksanaan sejarah lisan sedikit sebanyak memberi sumbangan yang besar bagi industri seni tanah air. Hal ini kerana industri tanah air kurang mendapat perhatian daripada sesetengah pihak malah kemungkinan juga tiada yang ingin mendokumentasikan cerita mereka. Jadi, sejarah lisan dapat menghubungkan situasi industri seni zaman dahulu dengan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang dirakam (Pusat Kajian Sejarah Lisan, 2007). Pita rakaman dan transkrip sejarah lisan boleh menghidupkan cara mengajar di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi lain. Kini, menerusi inisiatif pelaksanaan sejarah lisan mampu untuk membantu dalam melengkapkan kekurangan data atau informasi yang belum tertulis dalam dokumen. Penelitian sejarah lisan yang dipadukan dengan sumber tertulis dianggap dapat melengkapkan kekurangan sumber-sumber sejarah berkaitan industri seni ini. Dengan adanya sumber lisan, generasi-generasi baru akan dapat mengenali dan mendalami peristiwa-peristiwa yang telah berlaku dan bahan-bahan yang pernah

digunakan melalui kaca mata dan peninggalan daripada orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa tersebut (Nur Shima, 2019). Oleh itu, sumber lisan harus dipelihara agar tidak ditelan zaman. Di dalam hal ini sejarah lisan boleh memainkan peranan yang penting dalam mendokumentasikan kisah mereka pada zaman kegemilangan sepanjang mereka berkarier dalam industri seni demi menghargai bakat yang mereka tonjolkan dalam menghiburkan hati masyarakat. Secara tidak langsung, industri seni ini sebenarnya menunjukkan bahawa tidak mudah untuk menjadi artis dan menempah nama demi membina karier pada jangka masa yang lama.

**KAJIAN  
LITERATUR**

## **4.0 KAJIAN LITERATUR**

### **4.1 TOPIK 1: INDUSTRI SENI**

Mengikut Dasar Industri Seni Kreatif, industri seni adalah industri-industri yang melibatkan kreativiti seseorang individu, keterampilan, dan bakat yang mempunyai potensi untuk menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek. Industri seni dalam konteks Malaysia (2011), ialah penggembelengan dan penghasilan kebolehan dan bakat individu atau berkumpulan berasaskan kreativiti, inovasi dan teknologi yang menjurus kepada sumber keberhasilan ekonomi dan pendapatan tinggi kepada negara dengan memberi penekanan kepada aspek karya dan hak cipta intelek selaras dengan budaya atau nilai-nilai murni kepelbagaian kaum di Malaysia. Dengan kata lain, industri seni merujuk kepada seni untuk ekonomi yang melibatkan individu-individu berbakat yang memberi pengaruh yang besar kepada negara dari segi pendapatan dan imej negara

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), industri diertikan sebagai penghasilan bahan untuk keperluan perusahaan lain yang menggantikan jualan tahunannya. Seni pula selalu dikaitkan dengan kebudayaan yang telah berkembang secara beransur-ansur mengikut proses peredaran zaman dalam konteks kehidupan sosio kultural (R. Suharto, n.d.).

Menurut Tan Sri Muhyiddin Yassin (2015), industri seni mempunyai potensi dan masa depan untuk menjana pendapatan negara yang lebih tinggi. Terdapat banyak industri seni yang ada di Malaysia, tetapi tinjauan ini lebih terjerumus ke dalam seni hiburan, seni muzik dan seni lakonan.

#### ***4.1.1 SENI HIBURAN***

Seni hiburan merangkumi industri perfileman dan industri muzik, yang dulunya dipanggil industri piring hitam yang melibatkan anak-anak seni yang sama (M. Irman & Sharifah, 2007). Seni merupakan karya kreatif yang dihasilkan seseorang melalui bakat yang ada (Y. Buntat & N. Sharliana, 2011). Hiburan membawa maksud sesuatu yg dapat menghiburkan atau menggembarakan hati penonton (Kamus Dewan Bahasa Edisi Kedua, 1984). Hal ini menunjukkan dalam kehidupan, seni hiburan juga memainkan peranan penting.

Seni hiburan telah memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian, sama ada dalam bentuk nyanyian, lakonan, lawak jenaka atau yang lain. Seni hiburan akan muncul tidak kira di mana jua seperti di televisyen, radio, akhbar, laman sesawang hatta di tempat awam (M. Husin, 2018). Ini menunjukkan bahawa kehidupan kita diselubungi dengan banyaknya hiburan. Hiburan diperlukan agar dapat menghilangkan kebosanan dan membangkitkan keceriaan dikala kesedihan.

#### **4.1.2 SENI MUZIK**

Seni muzik merupakan salah satu seni yang telah lama wujud dalam masyarakat sosial di negara ini dan merupakan salah satu hiburan yang paling diminati dari dahulu hingga kini oleh masyarakat (M. Hamizi, 2010). Seni muzik pada zaman dahulu mempunyai hierarki tersendiri kerana muzik hanya dimainkan untuk hiburan kerabat diraja dan golongan bangsawan. Selaras dengan peredaran zaman rakyat juga dapat menikmati seni muzik ini pada masa kini. Di Malaysia, seni muzik tradisional merupakan seni yang tidak lapuk di kalangan pelbagai etnik di negara.

Istilah muzik didefinisikan sebagai gubahan bunyi yang menghasilkan bentuk dan irama yang indah serta menyenangkan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Menurut Steven Porler (1986), muzik adalah bunyi. Bunyi melibatkan interaksi empat perkara iaitu tenaga, alat, persekitaran, serta penerima. Menurut Saari, N., Sarji, A., & Basri, F. K. H. (2010), muzik adalah medium pernyataan sosial yang sangat asas dalam kehidupan manusia sejak zaman Yunani lagi. Ahli falsafah berpendapat bahawa manusia mempunyai minat terhadap muzik secara semulajadi kerana fakta ini menjelaskan bahawa muzik telah menjadi kegemaran sejak manusia dilahirkan lagi.

#### **4.1.3 SENI LAKONAN**

Seni lakon merupakan pertunjukan yang menggabungkan penggunaan beberapa elemen iaitu elemen pementasan, pemain peranan, dan mempunyai nilai aksi yang dramatik. Menurut Dewan Bahasa Edisi Keempat (2007), lakonan adalah mengenai seseorang memainkan drama. Hal ini juga disokong oleh Safiah Hussain (1988) yang menerangkan bahawa lakonan merupakan satu istilah umum yang memberi maksud sebuah pementasan, persembahan drama atau aksi mimik serta satu genre sastera yang dipersembahkan dengan cara meniru dan menghayati sesuatu watak dalam sesebuah cerita yang berbeza dengan identiti diri seseorang yang sebenar dalam dunia yang realiti.



Terdapat beberapa bentuk lakonan yang antaranya dipanggil sebagai lakon bisu, lakon bisu bertopeng, lakon kronika, lakon masalah dan lakonan moraliti (Israliza, 2015). Sebuah naskhah lakonan atau juga dikenali sebagai drama yang dimainkan memerlukan arahan dan lakonan yang sempurna sebagai satu persembahan yang berunsur seni. Menurut Solehah Ishak (2001), drama merupakan satu bahan kajian akademik yang cukup unik. Drama boleh dikaji menerusi teks, proses mengarang, proses produksi, pengarahannya, persembahannya, khalayaknya, estetika dan pelbagai aspek kehalusan seninya. Oleh itu, drama boleh disimpulkan sebagai lakonan yang dipersembahkan oleh pelakon bagi melakonkan sesuatu aksi. Justeru, pelakon perlu bertindak sebagai ejen penyampai dalam sebuah persembahan.

#### **4.2 TOPIK 2: ARTIS VETERAN**

Pada awal tahun 80-an, istilah artis telah digunakan bagi menggantikan istilah seniman dan seniwati kerana mengikut peredaran zaman dan perkataan artis diambil daripada bahasa Inggeris iaitu *artist* yang membawa maksud seniman. Artis bermaksud seseorang yang mahir dan bersifat kreatif dan inovatif terhadap sesuatu bidang yang diceburinya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Manakala veteran membawa maksud orang yang mempunyai banyak pengalaman dalam sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Menurut Kamus Dewan, artis veteran diertikan sebagai seseorang yang mempunyai pengalaman yang mendalam dan banyak dalam sesuatu bidang sama ada lukisan, tarian, lakonan, nyanyian atau muzik yang datang daripada bakat yang semulajadi atau pekerjaan yang dijalankan secara profesional. Manakala menurut Ramlah Ram (2018), artis veteran adalah golongan artis yang telah bersara daripada pekerjaan seni yang dilakukan. Menurut penyanyi tahun 80-an itu dalam MalaysiaKini (2018), gelaran artis legenda atau otai lebih sesuai digunakan untuk artis yang sudah lama berkecimpung dalam industri seni kerana menganggap akan lebih dihargai dan dicintai untuk selama-lamanya dan gelaran artis veteran seperti tidak relevan bagi diri seseorang artis yang masih aktif dalam bidang yang diceburi. Menerusi artikel Harian Metro (2018), artis veteran adalah seorang anak seni yang telah berkhidmat lama dalam industri hiburan tanah air. Ini kerana Fauziah Latiff sudah dianggap sebagai artis veteran kerana sudah bergiat aktif dalam industri seni selama lebih 3 dekad sebagai pelakon dan penyanyi (MStar, 2021).

Menurut Helmi (2019), barisan artis 1960-an hingga 1990-an diakui mempunyai lebih banyak peminat berbanding artis zaman kini kerana golongan artis veteran itu mempunyai kualiti nyanyian dan lakonan yang sangat bagus justeru dengan karya-karya yang dihasilkan oleh artis ini berada pada tahap yang lebih tinggi. Kebanyakan artis veteran mempunyai bakat yang luas kerana bukan sahaja bidang yang dipeloporinya bahkan bidang-bidang seni lain juga turut dijadikan sebagai kerjaya (Zubairi Zabidi, 2000). Sebagai contoh, Norma Abdullah atau lebih dikenali sebagai Normadiah yang pada awalnya hanya berlakon dan seterusnya menyanyi dan melawak serta seorang penari dan pereka tari yang berpengalaman. Seterusnya, persembahan yang merangkaikan lagu-lagu era 60-an berjaya memukau 1000 lebih orang penonton yang datang dari pelbagai peringkat usia yang telah dianjurkan oleh Kelab Senior Sabah (KSS) di Sabah (J. Bruno, 2019). Ini menunjukkan walaupun sudah berumur, artis-artis veteran ini masih bertenaga dan cukup bertenaga untuk menunjukkan kebolehan mereka bernyanyi.

Program temubual eksklusif berkonsepkan dokumentari yang mendedahkan kisah biografi barisan artis veteran bagi berkongsi pengalaman peribadi yang tidak pernah dikongsikan kepada masyarakat umum secara terbuka (Metro, 2021). Hal ini bagi menjamin kredibiliti dokumentasi tokoh yang dipilih bagi membantu menjadi rujukan bagi kajian yang akan mendatang. Menurut Liza Abdullah (2021), peranan artis veteran sangat dihargai kerana mereka sentiasa menghiburkan masyarakat dengan bakat yang sedia ada tanpa mengira penat dan lelah untuk memperjuangkan industri seni tanah air. Mengikut penerbit DarkWave Pictures iaitu Rafiena (2019), kepentingan artis veteran dalam industri seni seperti dalam dunia lakonan adalah membantu pelakon-pelakon baharu untuk membuat jalan sesuatu cerita menjadi menarik dan bukannya sebaliknya. Di samping itu, karya seni memerlukan pemahaman yang mendalam sebelum dilontarkan kepada penonton melalui lakonan mahupun muzik. Oleh itu, karya seni yang dihasilkan perlulah datang daripada hati dan perasaan yang ikhlas supaya penyampaiannya sampai terus ke hati peminat atau penonton supaya karya tersebut kekal hingga sekarang (Ella, 2019).

**TRANSKRIP  
TEMUBUAL  
BERSAMA TOKOH**

## 5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH

Asalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni hiburan. Bersama-sama kami ialah Encik Masrun bin Tamisi atau lebih dikenali sebagai Herman Tino yang merupakan artis dalam bidang nyanyian dan lakonan. Rakaman ini dijalankan pada tarikh dua puluh lima hari bulan November dua ribu dua puluh satu (25/11/2021) bersamaan dengan hari Khamis pada pukul (melihat jam) dua belas setengah (12.30p.m), bertempat di kedai KL. Temubual ini dikendalikan oleh saya, Siti Noor Khadijah binti Abdul Halim dan Nurin Zulaikha binti Md Fadzil. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

**SNK:** Bolehkah Pak Herman ceritakan serba-sedikit mengenai latar belakang Encik?

(Pak Herman senyum)

NZ: *First time* [Pertama kali]

HT: Okey saya setuju untuk ditemubual (melambai tangan ke kamera). Saya ucapkan selamat kebaikan. Okey.

**SNK:** Okey. Soalan pertama, bolehkah Pak Herman ceritakan serba-sedikit mengenai latar belakang Encik?

HT: Okey.

**SNK:** Apakah nama sebenar Pak Herman?

HT: Nama sebenar saya adalah Masrun bin Tamisi. Saya berasal daripada Tanjung Karang, Selangor. Saya berkecimpung dan ditentukan takdir saya sebagai

penyanyi kira-kira lima puluh tahun (50tahun) yang lepas dan latar belakang saya, saya hanyalah biasa. Saya anak petani dan saya dapat Pendidikan persekolahan sampai ke tingkatan 3 sahaja. Kemudian saya tahu-tahu telah dipengaruhi oleh ha- untuk menjadi artis. Itu yang saya tahu dari umur saya lima belas tahun [15tahun], tahun enam puluh sembilan [tahun 1969]. Saya telah dipengaruhi untuk menjadi artis. Jadi saya tinggalkan pelajaran saya semata-mata untuk menjadi seorang artis. Saya berumur enam puluh tujuh tahun [67tahun] sekarang, dan saya telah melalui macam macam dalam renjat kehidupan untuk menjadi- menjadi kejayaan dan sudah tentu perjalanan untuk ke keberhasilan adalah teruk. Tiada *short cut* [jalan pintas] untuk keberhasilan. Latar belakang saya, saya adalah anak yang ke-enam dari sepuluh adik-beradik dan sayalah seorang yang apa ini di dalam bidang nyanyian. (RALAT). Itulah ketentuan saya. Ya.

**SNK: Okey. Kalau Pak Herman tak (tidak) keberatan, boleh cerita mengenai latar belakang pula?**

HT: Keluarga saya biasa saja [sahaja]. Keluarga saya biasa. Bapa saya Cuma seorang petani sahaja, mak saya suri rumah. Adik-beradik saya boleh meneruskan kehidupan dengan kebolehan masing-masing (RALAT) dan masih lagi pertanian (megetuk pen ke bahagian pehanya).

**SNK: Boleh saya tahu nama ibu dan ayah Pak Herman?**

HT: Boleh. Ayah saya Tamisi bin Mat Karji (menunjuk ke arah kertas), nama ibu saya Asiah binti Haji Sidek.

**SNK: A- Nama isteri Pak Herman?**

HT: Ya. Saya telah beristeri dan isteri saya adalah pembaca berita RTM radio.  
Nama dia Noraini Ibnu.

**SNK: Berapa cahaya mata Pak Herman?**

HT: Saya mempunyai dua orang cahaya mata. Yang pertama Yusno, yang kedua Herta.

**NZ: Yusno?**

HT: Yusno.

NZ: Yusno-

HT: Y-U-S-N-O-

**SNK: Satu [seorang] lelaki? Satu [seorang] perempuan?**

HT: Ya (sambil mengangguk). Satu [seorang] lelaki satu [seorang] perempuan.  
Cucu saya empat (mengangkat 4 jari).

**NZ: Oh- Kira dua-dua dah [sudah] berkahwinlah?**

HT: Dah. Dua-dua sudah berkahwin. Satu [seorang] jadi kontraktor, satu [seorang] jadi *lawyer* [peguam].

**SNK: Soalan seterusnya, boleh Pak Herman cerita sejarah perjalanan pendidikan Encik?**

HT: Pendidikan isteri?

SNK: Pendidikan Encik.

HT: Oh- (sambil ketawa). Ingatkan pendidikan isteri. Okey. Saya hanya pendidikan sampai tamat tingkatan tiga sahaja dan saya terus *serious* [serius] untuk menjadi penyanyi. Jadi, pendidikan saya amat rendah. Kalau difikir-fikir amat rendah dan saya meneruskan kehidupan saya. Saya anggap penyanyi itu adalah taraf universiti. Saya menganggap begitu, saya lupakan-- saya lupakan pembelajaran, *education* [pelajaran]. (Berhenti seketika), tapi saya mempunyai cita-cita untuk lulus sebagai seorang penyanyi dan saya menganggap lulus sebagai seorang penyanyi juga saya lulus dari universiti mana-mana pun.

**NZ: Jadi, kiranya memang bertekadlah?**

HT: Ya, memang saya bertekad, saya tinggalkan persekolahan saya.

**SNK: Semasa persekolahan, adakah Encik pernah masuk [menyertai] apa-apa pertandingan nyanyian?**

HT: Ada sekalilah waktu saya tingkatan satu ke [atau] dua. Masuk pertandingan.

**SNK: Pernah menang?**

HT: Tidak pernah menang. Ya?

**SNK: Siapakah idola Pak Herman dalam bidang nyanyian?**

HT: (Menggerakkan kaki) Terus terang. Mahu tak [tidak] mahu, boleh ke tak [tidak] boleh, terpaksa ataupun redha. Idola Melayu dalam hiburan, saya tetap memilih Tan Sri P. Ramlee [Tuan Sri Datuk Amar Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Puteh, Seniman Agung Negara].

**SNK: Oh- Sejak bila Pak Herman idolakan beliau?**

HT: Hm. Ya?

**SNK: Sejak bila?**

HT: Oh! Sejak saya umur lima, enam tahun, saya sudah tahu P. Ramlee. Sebenarnya P. Ramlee adalah seorang manusia, yang hebat. Dia seorang manusia yang hebat, dia seorang Melayu yang hebat. Jadi, mahu tak [tidak] mahu, ini misal kata, andaian. Kalau ada wali [sambil melihat para temubual]. Salah satu [seorang] wali tu [itu] cuti. P. Ramlee itu boleh menggantikan wali. Begitu dia punya kehebatan, P. Ramlee.

NZ: Oh- (sambil mengangguk).

HT: Kerana apa? Saya tidak cakap wali agama.



NZ & SNK: (mengangguk)

HT: Saya cakap wali Melayu. Okey? Bukannya wali agama. Kalau ada wali cuti, dia boleh menggantikan. Ajaran dia, sampai sekarang diguna pakai.

SNK: Sampai sekarang.

HT: Walaupun dia sudah tiada, ajaran dia, nyanyian dia, masih diguna pakai. Jadi, tidakkah dia lebih hebat daripada Perdana Menteri?

NZ: Betul.

HT: Ajaran dia lebih hebat daripada *politician* [ahli politik], daripada Perdana Menteri. Jadi, idola saya, mahu tidak mahu. Saya redha, P. Ramlee (berhenti seketika). Okey? (menunjukkan tangan ke arah penemubual)

**NZ: Okeylah ya. Dari segi pendapat Pak Herman sendiri, macam mana [bagaimana] penerimaan artis veteran dalam kalangan masyarakat?**

HT: Dia begini. Reen ataupun Khatijah. Khadijah? Kesenambungan, saya sebagai artis veteran (sambil bermain dengan pen). Sebenarnya, kita mesti berbuat sesuatu dalam jurusan yang kita sukai. Anggapan daripada masyarakat kepada artis veteran ataupun artis muda. Itu, akan berlaku, dan pudar dan diingati oleh *coming soon* [pada masa akan datang] ataupun yang terkini. Jadi, terserah kepada artis itu, walaupun saya veteran, saya tidak menonjolkan diri saya. Saya tidak menonjolkan muka saya dengan berbedak ataupun tidak. Saya tidak menonjolkan kepada masyarakat, mahal ke [atau] murah pakaian saya. Artis

itu abstrak. Jadi, saya mesti tunjukkan kebolehan nyanyi saya dan apa inti pati nyanyian saya. Jadi, saya—saya- rasa--- apa tadi soalnya? Saya terlupa.

NZ: (ketawa)

**SNK: Pada pandangan Pak Herman, apa pandangan artis veteran pada masa kini-  
pada pandangan masyarakat pada masa kini?**

HT: Oh! Ya-- ya- ya- Saya pun pernah. Pernah menganggap pandangan artis veteran kepada--- apa?

NZ: Pandangan masyarakat.

SNK: Pandangan masyarakat kepada artis veteran.

HT: Ah! Ada yang melupakan, ada yang gitu- gitu- [begitu- begitu-], ada yang menyukai hasil kerja. Tengoklah, itu sebabnya keterampilan. Keterampilan artis itu bagaimana, dalam—dalam- dia menerokai bidang itu kan. Ha, macam tu [itu]. Macam Herman Tino, saya tak (tidak) mempamerkan baju saya. Saya tak [tidak] mempamerkan apa-apa, dan saya mempamerkan hasil kerja saya. Sebagai contoh, saya ada lagu *tangan kanan memberi sorokkan tangan kiri* (nyanyi) [Derma Bukan Tontonan]. *So* [jadi], itu hasil kerja saya. Akhirnya, dapat di--- tenang. Lepas itu, anggapan saya kepada penggemar. Eh, saya sedialah untuk dilupakan. Saya sedia untuk disingkirkan. Saya sedia untuk dipijak-pijak. Itu semua hak masyarakat. Saya sedia! (menunjukkan diri sendiri) Untuk dilupakan, tak dihormati. Saya sedia. Itu jawapan saya.

**SNK: Mengapa Pak Herman mengatakan yang sedia untuk dilupakan?**

HT: Hei! Dosa kalau kita buat jasa, minta balasan. Berdosa kan? Okey?

NZ: Betul.

HT: Kalau saya menyanyi, nak dengar, dengarlah nyanyian saya dan itu karya saya. Dan- harus ingat, kalau saya buat karya yang didengar kemudian salah. Hasil kerja saya salah tetapi dinikmati.

NZ: Betul.

HT: Dan dibuat dan peminat, penggemar mengikut hasil kerja salah saya. Macam mana kita nak jawab di sana [merujuk akhirat] esok? Macam mana? Jadi, nawaitu saya menjadi artis, ingat! Artis itu periwayat. Dalam seni kata itu, meriwayatkan. Meriwayatkan sejarah-sejarah lama, meriwayatkan percintaan. Kalau saya meriwayatkan percintaan. Lepas [Selepas] itukan, anak muda dengar lagu kita sampai lupa makan, lupa sembahyang. Itu, jadi macam mana [bagaimana] tu [itu]?

NZ: (gelak)

SNK: Jadi lalai.

HT: Jadi lalai. Jadi dosa.

NZ: Betul. Betul.

HT: Jadikan, tujuan saya menjadi artis, saya adalah meriwayatkan. Kalau zaman Rasulullah dulu, periwayat. Periwayat itu maknanya perawi.

NZ & SNK: (mengangguk)

HT: Ha- Disebut perawi. Meriwayatkan. Jadi salah, saya--- artis ini meriwayatkan, ya, dia begitu. Sebagai contoh, Reen, Khadijah, gemarkan Herman Tino. Wo- Ini-- ini- ini dekat [di] depan.

NZ: Wo- Suka.

HT: Kemudian, saya ingin nak meriwayatkan kebaikan pada pendengar dihadapan saya, terima kasih semuanya datang melihat saya menyanyi tapi jangan lupa. Tadi Pak imam kampung pesan dengan saya, “semuanya jangan tengok [lihat] nyanyi saja. Tolong temankan Pak imam solat, masjid jangan sepi” kata Pak imam. Dia bagitahu saya, jadi mana dosa saya?

NZ: Haah.

SNK: Haah. Saling mengingati.

HT: Ha- Apabila saya meriwayatkan, mana dosa saya Reen? Adalah sedikit dosa saya, teriak itu ada, manusia.

NZ: (mengangguk) Betul.

HT: Jadi, itu namanya meriwayatkan. Jadi, positif. Padahal Pak Imam, tak berpesan kepada saya tetapi oleh kerana kita, perlu-- perlu bercakap. “Jangan tengok Herman Tino je [sahaja], masjid ini sepi, tolong temankan dia” katanya- (menggunakan suara berbisik).

NZ: Haah.

HT: *So* [Jadi], mana dosanya, mana pahalanya?

NZ: Haah, jadi seimbanglah benda itu.

HT: Keseimbangan.

NZ: Betul.

HT: Ya. Okey. Hm. Okey. Khadijah, apa lagi?

**SNK: Okey, a- apakah pendapat Pak Herman tentang industri nyanyian?**

HT: Nyanyian ini sebenarnya, anugerah Allah. Menyanyi itu adalah anugerah daripada Allah. Jadi, nyanyilah dengan sempurna. Nyanyilah kamu dengan baik. Dulu pun ada, Nabi Daud pun, dia nak berdakwah, dia pakai bansi muzik. Ya, Nabi Daud! Cuba *check* [periksa]! Betul. Ha, cuba *check*. Nabi Daud, dia pandai bermain gitar yang ini-- ini- ini- (menunjukkan aksi seolah-olah bermain bansi). Nabi Daud- Kalau dalam Kristian, David.

NZ: Hm. David-

HT: Kita, Daud. Yusuf? Dalam Kristian? Joseph.

NZ: Joseph-

HT: Itu Nabi Yusuf. Nabi Ibrahim? Dalam Hindu? Brahma.

NZ: Brahma- Ya.

HT: Jadi di sini- Kita-- kita- berfikiran--- jadi, nyanyian ini, kalau kita gunakan dengan positif, eh- bagus-- bagus- *tunggulah dulu* (nyanyi) [Shalat Dulu, Iwan Syahman]. Ha- sebelum solat itu-- itu- si Iwan itu nyanyi.

NZ: (gelak) Solatlah dulu (sambil nyanyi).

HT: Jadi, dosanya kat [di] mana? Tetapi ada juga orang yang mengatakan, ketua penyanyi mudah jadi tiang neraka.

NZ & SNK: (mengangguk)

HT: Itu ketua penyanyi, bukan penyanyinya- kalau ketua penyanyi mengizinkan si Nurin pakaian seksi sampai sini (menunjukkan pinggang) naik ke pentas. Bermakna siapa yang jadi tiang negara---- neraka, siapa? Ketuanya.

NZ: Ketuanya-.

HT: Ketuanya membenarkan Nurin, Khadijah separuh bog\*\* diatas pentas.

NZ: Pentas-.

HT: Jadi penyanyi ini, dosa terus. Dosalah. Tetapi kalau penyanyi ikut disiplin, ini-- ini- ini- ini.

SNK: Ada pendirian sendiri.

HT: Nawaitu menyanyi kerana- Allah (tunjuk ke langit). Sudahlah. Kamu belajar, kamu buat *thesis* [tesis] macam ini kerana Allah. Cuba- Kerana Allah. Barulah ini macam (sambil menunjukkan ibu jari).

**NZ: Okeylah, daripada pandangan Pak Hermanlah, mengenai- apa tu [itu], penyanyi dulu [dahulu] dengan penyanyi sekarang. Macam mana? [Bagaimana?]**

HT: Jadi. Dia- perbezaannya dulu dan sekarang ini, adalah peradaban. Peradaban--- *environment* [persekitaran] kanan, kiri. Kesopanan. Kesusilaan. Jadikan dia, penyanyi yang terdahulu. Oleh kerana belum terdedah bebas dengan pengaruh-pengaruh yang bukan-- bukan-, bermakna peradaban dia bagus, dipengaruhi oleh *environment* kanan, kiri. Kalau penyanyi itu berasal daripada pertanian. Pertanianlah dia punya anu [itu]--- kalau perta--- penyanyi itu berasal daripada kelab menyanyi joget. Berjogetlah dia.

NZ & SNK: (mengangguk)

NZ: A- Betul.

HT: Macam itu. [Begitulah.] Penyanyi dahulu dan apa--- manakala sekarang, pengaruhnya bukan sahaja daripada--- terlalu bebas dipengaruhi oleh dunia yang--- inilah jadinya. Tapi [Tetapi], walau macam mana pun [walaubagaimanapun]. Kalau kualiti ada, penyanyi sekarang ini kualitinya ada. Boleh dieksport. Kalau bolehlah, penyanyi ini boleh eksport. Dia punya kualiti itu, produk dia boleh eksport.

SNK: Hm (sambil mengangguk). Sampai luar negara.

HT: Okey. Tapi kalau cuma syok [suka] sendiri, tak [tidak] boleh eksport. Jadikan dia, itu melambangkan orang Melayu, syok [suka] sendiri saja.

NZ: Haah. Betul.

HT: Produk yang syok [suka] sendiri. Awak tengok kalau, Indonesia. Dia buat sesuatu sampai eksport.

NZ: Betul!

HT: (Menyanyi) *engkau yang cantik, engkau yang manis* [lagu Madu dan Racun, Awie Wibowo]. Kau tengok dia buat bagaimana. Akhirnya, tertunduk-tunduk Malaysia ini, mengikut- (tunjuk ke arah depan)

NZ: Indo.

HT: Mengikut Indonesia punya.



SNK: Haah.

HT: Itu maknanya satu kejayaan. Maknanya dalam lagu ini, kalau betul kita buat, dia boleh dieskport, dia boleh me- menawan. Dia boleh-- boleh mem-- mem- apa? Mempengaruhi. Ha. Itu. Dunia. Dia boleh mempengaruhi dunia, sesebuah bangsa itu. Kalau dia berjaya, mengeksport dia punya produk, melalui hiburan. Hm macam gini [begini] (sambil tunjuk ibu jari).

NZ: Betul.

HT: Menjajah! Kita boleh menjajah. Tengok Indonesia sentiasa menjajah kita, dengan lagu-lagu dia, dengan filem dia. Akhirnya bangsa kita tak [tidak] menghormati produk bangsa kita sendiri.

NZ: Betul. Tak menghargai apa yang ada.

HT: Maknanya, orang yang tua, orang yang muda sekarang ini, mesti eksport.

NZ: Mesti eksport kan.

HT: Cari-- cari- sesuatu pembaharuan! Eksport. Begitu, jadinya, barulah megah bangsa kita. Macam itulah.

NZ: Sebab kalau penyanyi sekarang ini pun *one day* [suatu hari] akan jadi penyanyi veteran jugakan?

HT: Hm- (sambil mengiyakan)

NZ: **Lama-lama kalau tak dieksport. Habislah kan?**

HT: *So* [Jadi], kalau tak ada [tiada] eksport, kamu orang Melayu. Kamu ke England saja, kamu dah lupa kamu punya produk, pasal tak ada [tiada] eksport.

NZ: Betul. Tak *famous* [Tidak terkenal].

HT: Jadi kamu sedang--- senang dipengaruhi oleh England. A- begitu- itu sebabnya, betullah jugak. Pada saya, belajar saja. Belajar. Tak [Tidak] boleh menjamin masa depan [hadapan].

NZ: Betul.

HT: Yang boleh menjamin masa depan [hadapan] adalah pelajaran.

NZ: Pelajaran-

HT: La- cuma belajar je [sahaja]- Kau nak menjamin masa depan apa?

NZ: Haah.

HT: Yang penting Nurin ataupun si- Khadijah. Yang penting pelajaran!

NZ: Pelajaran.

HT: Ingat saya ini penyanyi bodoh. Saya tak-- tak- tak tengok apa gerak kamu. Macam si Khadijah tadi. Dia keluar, saya tahu- budak ini macam mana. Saya tahu Nurin macam mana. Itu ini. Ingat! Ini diluar kotak. Pelajaran *is very important* [adalah sangat penting]. Kalau cuma kau nak pameran tudung kamu, cuma belajar saja. Pergilah!

NZ: Betul.

HT: Ini mesti robek [koyak], carik [lerai]. Baru kamu tahu. Kau tengok esok. Kalau esok kau jadi handal, kau ingat cakap Herman Tino. Pelajaran itu hebat.

NZ: Betul.

HT: Aku belajar jadi- penyanyi. Aku dapat pelajaran penyanyi. *Happening* [Menyeronokkan]. Kalau kau nak jadi arkitek, kau mesti tuntutan ilmu- arkitek.

SNK: Arkitek.

HT: Betul betul. Kalau kau nak jadi perompak?

NZ: (gelak).

HT: Engkau tuntutan ilmu perompak betul-betul sebab [kerana] apa. Kau nak merompak pagi, petang dah kena tangkap. Ya. Perompak apa.

NZ: Betul.

HT: A- Macam tu-- [itu]. Macam tu- [itu].

NZ: Macam cikgu saya dululah. Kalau rasa nak (hendak) ponteng sekolah. Taknak [Tidak mahu] jadi pelajar, nak [hendak] bekerja. Bekerja betul-betul.

HT: Hm- (sambil mengangguk)

NZ: Tapi kalau nak [hendak] belajar, belajar sungguh-sungguh.

HT: Hm- Belajar sungguh-sungguh.

NZ: Jadi pelajar betul.

HT: Hm- Belajar betul-betul sampai dapat pelajaran. Eh! Eh! Kalau kau dapat pelajaran, kau tengok ini (sambil tunjuk diri). Tingkatan tiga (menunjukkan tiga jari). Tetapi guru saya adalah penderitaan (melihat para penemubual selang seli).

NZ & SNK: (mengangguk)

HT: Saya tak diajar oleh cikgu-cikgu lepas [selepas] saya gagalkan sekolah saya. Saya diajarkan oleh penderitaan (reaksi sedih). A- gini [begini] lah! Jadi, saya jadi penyanyi pula, ini bermakna saya jadi--- cuba *check* [periksa] lagu-lagu kita. Kalau boleh nawaitu saya agaknya, dah tua-tua gini [begini]. Nawaitu nyanyi. Jom! Kerana-

NZ: Allah.

HT: Allah! Sudah! Kau besok [esok] nak kahwin pun, kahwin kerana Allah.

NZ: Oh- In Sha Allah.

HT: Jangan kau kahwin kerana *handsome* [kacak] laki [suami] kau.

NZ: (gelak)

HT: Engkau akan hampa-- engkau akan hampa-. Kau percayalah apa aku cakap.

SNK: (gelak)

NZ: Haah. Betul (gelak) sebab benda itu sementara.

HT: Ha! Senang cerita kalau kau nak cari lelaki- Er. Er. Ada lagi yang-.

SNK: Lebih baik.

HT: Lebih baik. (bergumam). Kau bekerja macam ini, berdepan dengan Herman Tino kerana Allah. Uдах [Sudah]! Saya pulak [pula] lain, nak cari nafkah juga. Ingat macam mana--- kita ada ilmu, kita mesti nak cari nafkah.

NZ: Betul.

HT: A- macam itulah. Jadi, soalan? (senyum)

NZ: Okeylah. Dari pandangan Pak Herman.

HT: Hm-

**NZ: Apa- er- perbezaan pemakaian dari segi pemakaian orang dahulu dengan er-orang yang sekarang?**

SNK: Penyanyi.

NZ: A- penyanyi dahulu dengan sekarang.

HT: (gelak) Kadang-kadang. Orang terdahulu-. Terdedah juga auratnya.

NZ: (gelak)

HT: Kadang-kadang orang zaman sekarang walaupun terpengaruh dipengaruhi, menutup aurat pun ada.

NZ: Haah.

NZ: (gelak)

HT: Jadi, ini adalah sambal santan kata orang Jawakan.

NZ: Haah

HT: Sambalnya kuat betul.

SNK: Haah.

HT: Faham? Khadijah?

SNK: Faham-.

HT: Hm- Lagi?

**NZ: Okey. A- Macam mana. Bayaran penyanyi dahulu a- Dengan penyanyi sekarang. Perbezaan dari segi harga?**

HT: Sebenarnya- pada Herman Tino, kalau kamu berkualiti, sebenarnya kamu berhak menikmati mahal. Itulah ya. Kalau kamu berkualiti, mempamerkan kualiti. Kamu berhak menerima kemahalan. Mahal. Tetapi- bila [apabila] sebut mahal, macam P. Ramlee. Kualitinya hebat- harganya murah. Zaman dulu, dia dan kawan-kawannya semua harganya murah, cuma berpuluh-puluh. Paling tinggi seratus [RM100], tetapi harus ingat! Bayaran oleh-- bayaran zaman dahulu, nasi goreng penuh kalau *full* [penuh] dalamnya- dua puluh sen [RM0.20]. (Terdiam seketika). Boleh faham tak ni [tidak ini]. Kain songket!

Yang cantik, yang dibuat dari--- yang itu harganya baru dua puluh lima ringgit [RM25]. Sekarang- mana ada [tiada] nasi goreng dua puluh sen [RM0.20].

NZ: Tak dapatlah.

HT: Tak dapat-. Jadi, kita tak boleh bandingkan bayaran yang dulu (tunjuk arah langit) dan bayaran yang sekarang (tunjuk ke tanah). Tapi walaubagaimanapun, kualiti berhak untuk menerima bayaran yang lumayan. Itu sahaja. Itu saja [sahaja]. Perempuan yang cantik, dulu-dulu. Jadi artis, kualiti nyanyian tidak ada, tapi [tetapi] hidup lumayan pasal (kerana) akan-- akan- dimiliki oleh sang belang-- sang belang- yang kaya-raya. Ha- begitu. Macam itulah jadinya. Macam-macam. Sekarang ini pun (berfikir sambil memandang langit), engkau dapat bayaran tinggi-. Nasi goreng tiga ringgit setengah [RM3.50], air sirap pun dua ringgit setengah [RM2.50].

NZ & SNK: (mengangguk)

HT: Dulu air sirap sepuluh sen [20sen].

NZ: (gelak)

HT: Kau dibayar menyanyi dengan seratus ringgit [RM100] pun-. Hm, itu dululah. Seratus ringgit [RM100] besar-

NZ: Haah. Mungkin disebabkan inflasi hiduplah kan dia punya---



HT: Kasut macam kamu dulu kalau BATA macam ini. Harganya berapa. Lima ringgit lapan puluh sen. [RM5.80]. Bata badminton master [jenama kasut badminton].

NZ: Haah. Cuma barang-barang berjenama yang mahal kan.

HT: A- ya. Tapi orang dulu dengan yang sekarang pun- Ketahanannya berbeza. Peradabannya berbeza. Kematerialannya juga berbeza- Jadi- Serupa! Jawapannya tentang bayaran dulu dan sekarang. Serupa! Tetapi tak [tidak] sama.

NZ: Tak sama-

HT: A- itu. Serupa- Tak sama (geleng kepala).

NZ: Walaubagaimanapun, kualiti yang tetap itulah.

HT: Kau tengoklah esok, kalau kau ambil inikan. Kau takde [tiada] kualiti, kau akan jadi pegawai gitu-- gitu- [begitu-- begitu-] je [sahaja].

NZ: Betul.

HT: Tapi kalau kau ada kualiti. Oh! Kamu akan jadi pegawai *plus* [tambah] *plus-plus*-. Semua tahu kau punya--.

SNK: Kemahiran.

HT: Kemahiran- Betul. Lagi apa?

NZ & SNK: (gelak)

**NZ: Okey, dari a- pendapat Pak Herman sendirilah, adakah penyanyi boleh mempengaruhi pendengar dan penggemar dengan nyanyian je [sahaja]?**

HT: Boleh (mengangguk).

**SNK: Macam mana- [Bagaimana]?**

HT: Boleh.

**SNK: Macam mana [Bagaimana] boleh mempengaruhi?**

HT: Nombor satu- ini- kita ambil wanita. Kalau [Jikalau] wanita itu cantik, *complete* [lengkap]. Cantik- dan boleh nyanyi- dan dia punya fesyen memang-. Bagus- *Fun* dia bagus. Memang dia boleh mempengaruhi masyarakat. Kalau badan dia cantik, dia boleh berpakaian-.

SNK: Cantik.

HT: Berpakaian cantik. Dan pakaian itu akan menjadi pendirian, begitu juga kalau dia ber- bermekap [bersolek] cantik, dia juga akan menjadi- igawan dan ikutan-. Begitu juga kalau vokal, cantik- Dia-. Dia juga akan menjadi- ikutan oleh bakal-bakal penyanyi-. Hiburan masyarakat kita. Maknanya boleh. Kemudian, kalau dia pulak-- [pula--] dia- punya- kesopanan cantik, pandai simpan rahsia keburukan-- keburukan- apa-. Keburukan tak [tidak] terpamer [kelihatan]

walaupun si Nurin itu ada keburukan, tapi tak terpamer [tidak kelihatan), tak [tidak] terdedah, rahsia tetap menjadi rahsia. Padahal kau buruk, *fe'el* [perangai] kau buruk. Tapi- engkau pandai simpan rahsia buruk kamu. Orang kelihatan kamu- kelihatan cantik saja [sahaja]. Tak mungkinlah Nurin itu buruk. Tengok dia tahu. Padahal kat [di] belakang kamu merokok. (RALAT).

NZ: Allah- (sambil gelak)

HT: Tapi, oleh kerana orang tak [tidak] tahu. Orang pandang kamu- (tunjuk ke atas)

SNK: Baik-

NZ: Baik.

HT: Baik saja (sahaja). Jadi yang paling penting. Simpan rahsia keburukan masing-masing. A- macam itulah. Herman Tino pun macam tu [begitu]. Cakap macam ni [seperti ini]. Kau tahu keburukan Herman Tino?

NZ: Ha-. Tak [Tidak]. Tak [Tidak] tahu.

HT: Tak [Tidak] tahu! A- macam ini. Kau tahu gatalnya Herman Tino ke? Tak [Tidak] tahu kadang-kadang---

NZ: (gelak)

HT: Pasal [Sebab] apa. Pasal [Sebab] apa- pasal [Sebab] pandai simpan-. Rahsia.

NZ: Pandai simpan rahsia.

HT: Pandai simpan karakter.

NZ: Haah.

HT: Macam itu juga Siti Nurhaliza. Ke-keburukan dia kamu tahu? Yang nyata---. Tak pernah pun kita tengok kainnya terselak sampai sini (menunjukkan betis). Tak pernah pun kita tengok dia akan berpakaian baju sampai sini je [sahaja] (menunjukkan bahagian bahu). Nak tengok sini terdedah pun, sini (menunjukkan bahagian tangan). Tak ada [Tiada]. Jadi, pandai ke tak pandai? Jadi, lelaki semua ini, terintai-intai bilalah nak tengok buku lali- nak tengok buku lali pun tak dapat. A- itu kepintaran, kepintaran yang membawa kemahalan. Mahal a- begitu. Padahal kegemaran Siti Nurhaliza kau tak [tidak] tahu. Pastu [Selepas itu] *top up* [tambah nilai], *top up* dengan suara yang bagus. Ini—ini- ini-. Jadi, dia sentiasa (menaikkan tangan ke atas). Kau pun [juga] samalah esok. Kau pun [juga] ikut cakap Pak Herman. Simpan.

NZ: Simpan rahsia.

HT: Rahsia. Jadi, esok. Begitu juga, kalau kau cantik. Kau simpan kecantikan kamu, rahsia. Pandai.

**NZ: Okey. Kalau dari segi genre lagulah. Boleh tak (Bolehkah) kalau Pak Herman terangkan mengenai genre pop serta muzik Melayu asli dan tradisional?**

HT: Sebenarnya begini, setiap bangsa. Ada kebudayaannya sendiri. Ada citarasanya sendiri. Begitu. Bila (Apabila) sebut pop, itu adalah dunia. Itu--- apa-. Itu adalah kemahuan dunia. Itu adalah wabak dunia. Itu adalah budaya dunia, itu pop. *Popular* [Disukai ramai], tapi bila nilai sendiri. Macam Melayu, dia ada geli, dia ada joget, dia ada dangdut. Itu-- itu- Melayu. Tu [Itu] Melayu. Mahu tak mahu, setiap bangsa. Kita ambil contoh, Melayu. Kau ke mana-manalah, berpakaian apa. England ke pop ke, mana-mana. *But come to the end* [Tetapi sampai ke penghujungnya], naluri hati kecil dia mesti mahu balik semula ke budayanya sendiri. Dia mahu dengar joget, dia mesti mahu dengar lagu asli, dia mesti mahu dengar lagu inang. A- itu. Itu adalah automatik antara pop dan kebudayaannya sendiri. Tak boleh-. Kau macam manalah. Engkau nak mendabik dada, berbudaya England ke dengan popular England, dengan pop England, tetapi *come to the end*, pada *certain*—[sesetengah--] *certain*- umur, you [kamu] mesti rindu balik [kembali] dengan kebudayaan Melayu misalnya. Macam itu. Jadi, pop ini adalah kemahuan budaya dunia. Itulah adalah wabak (membuat bentuk bulatan) Jadi, itu mesti diikuti. Itu mahu tak [tidak] mahu, mesti diikuti. Mesti diikuti oleh masyarakat dunia, mahu tak [tidak] mahu.

**NZ: Okey, a- kenapa a- Pak Herman lebih cenderung untuk memilih genre yang sekarang ini berbanding genre yang lain?**

HT: Tak faham.

**SNK: Genre lagu yang Pak Herman nyanyi berbanding dengan genre yang sekarang?**

**NZ: Macam sekarangkan Pak Herman a- bawa genre lagu pop dan muzik aslikan?**

HT: Hm-- hm-. (sambil mengangguk)

**NZ:** A- apa perbezaan dengan semua-semua itu? Kenapa tak ambil genre lain?

**HT:** Kalau saya nak jawab persoalan itu. *Come to the end*, jawapan yang tulen [asli] adalah itu memang suratan takdir saya untuk membawakan--- dan bakat saya yang telah diukur oleh penerbit (berhenti seketika kerana berfikir) untuk membawa kebudayaan, suara vokal saya itu bersesuaian dengan alunan melodi-budaya. Dan kemudian, dalam alunan suara yang berinspirasi budaya. Maka, Herman Tino telah selitkan lagu-lagu seni kata, syair-syair yang kebaikan. Ada kebaikan, agama ataupun kemasyarakatan. Jadi- (berfikir) sebenarnya, macam penyanyi lain. Vokalnya itu adalah sesuai untuk genre sekarang. A- begitu. Jadi, dia mendapat tempat di genre sekarang. Belum tentu Herman Tino yang masih lagi mempopularkan lama punya--- dapat-- dapat- sambutan *instant* [segera]. Tapi- pada suatu ketika, bila pendengar itu dah berfikiran yang anu [itu]. Dia akan balik semula dengar genre-genre yang lama. A- begitu. Macam saya, saya pun setuju kalau genre baru ini mengalunkan lagu-lagu yang bagus. Hei! Saya setuju. Maknanya apa-apa hal pun antara Herman Tino dengan Aiman Tino. Aiman Tino itu generasi-generasi sekarang, Herman Tino generasi dulu. Jadi, kalau- yang paling penting adalah hormat-.

**NZ:** Menghormati.

**HT:** Menghormati-. A- gitu [begitu]. Herman Tino mesti menghormati hasil genre sekarang.

(Penemubual mengangguk)

**HT:** Dan sebaliknya. Senang saja. Kalau kita hormat orang muda, orang muda pun-.

**NZ:** Hormat kita.

HT: Kalau kau nak pemuzik, kau tuntutan ilmu pemuzik betul-betul. Jadi, pemuzik ini berstail. Jadi, tak timbul. Tak timbul soal ketiadaan-.

SNK: Alat muzik.

HT: Alat muzik lama-. Tak timbul. Tak timbul. (menggelengkan kepala).

**NZ: Okey. Faham. Kalau macam [seperti] genre pop sendirilah, macam mana [bagaimana] susunan muzik bagi genre ini? Maksudnya, kalau Pak Herman nak [hendak] buat a- sesuatu lirikkan, mesti Pak Herman apa ni [ini] memikirkan susunan ayat ke apa- susunan kata ada ma- maknanya ke? Macam mana susunan muzik biasanya yang Pak Herman buat?**

HT: Dia begini, susunan muzik- (bermain pen). Penerbit ataupun *arrangement* [susunan]. *Arranger* [pengatur], dia akan kenal pasti vokal penyanyi itu jenis apa. Dia tahu. Jadikan dia, dicipta, ambil ciptaan lagu, yang boleh diiringi dengan muzik yang macam mana [bagaimana] dan macam mana [bagaimana]. Macam mana-- [Bagaimana] macam mana- [bagaimana]. Itu- keberhasilan itu mesti diungkapkan ataupun diterjemahkan oleh *arranger*, penyusunan muzik. Jadi, penyanyi ini menyanyi sahaja. Penyanyi itu harus pameran nyanyian dia sebelumnya kepada *arranger* itu supaya *arranger* itu boleh menyesuaikan peralatan muzik untuk mengiringi nyanyian. Itu memang kerja yang kreatif. Kadang-kadang seorang *arranger* ataupun seorang pencipta, dia tengok dulu vokal penyanyi itu jenis macam mana [bagaimana]. A- baru- dapat ilham (RALAT), dapat melodi yang dan muzik yang bagaimana yang nak [hendak] mengiringinya--- Pemuzik yang bagaimana. Itu dia-.

**SNK: Okey. Soalan seterusnya, boleh Pak Herman ceritakan perjalanan sebelum menjadi seorang penyanyi?**

HT: Okey. (RALAT)

**SNK: Dari umur berapa Pak Herman menjinakkan diri untuk menyanyi?**

HT: Sebelum apa-apa saya bercakap. Saya tak [tidak] pernah menyesal untuk menjadi penyanyi. Saya tak [tidak] pernah menyesal saya gagal dalam persekolahan saya, *education* [pelajaran] saya. Saya tak menyesal (mengerakkan telefon bimbit ke kanan dan ke kiri). Pertamanya, saya menghormati ketentuan Allah. Saya tak [tidak] tahu kenapa saya dijadikan macam ini (tunduk sambil memandang ke meja), saya cuma minat, daripada saya darjah lima. Darjah empat, saya minat tengok orang menyanyi. Saya cukup minat, kemudian saya--- (RALAT) bila [apabila] dah [sudah] tingkatan satu, saya teringin aje [saja] nak [hendak] jadi penyanyi. Saya teringin saja nak [hendak] menjadi penyanyi. Jadi, walaupun saya dapat tentangan daripada ayah saya- pasal (kerana) dia sudah mula tahu bahawa saya ini meminati seni. Dia dah tahu bahawa saya ini ingin jadi penyanyi- yang (meninggikan nada suara) mungkin payah [sukar] untuk dicapai (bersandar ke kerusi). Bapa saya bercakap--- memang saya ini nak [hendak] jadi penyanyi, dan dia pernah cakap yang itu adalah cita-cita yang sukar dicapai dan susah nak [hendak] diperoleh. Lebih baik jadi petani, ataupun jadi budak pandai sekolah. Daripada kamu bercita-cita untuk jadi penyanyi sana- sini-. Bila ada muzik, tempat orang kahwin. Kamu pun tak [tidak] sekolah, kamu nak [hendak] tengok orang bermuzik (RALAT) ini-- ini- ini- ini-. Itu salah satu perjalanan saya. Saya tak [tidak] boleh bohong kamu. Saya ini gila (meninggikan nada suara), masa kecil [semasa kecil], saya sanggup tidak berpelajaran. Semata-mata nak [hendak] jadi penyanyi, entah apa untungnya. Entah apa ruginya (RALAT), main belasah aje [sahaja]. Jadikannya, saya memang miskin, bapa saya memang miskin, memang tak patut saya ini *stopkan* [berhentikan] pelajaran saya. Me-



mang tak patut! Jadikan, taktahulah, entah setan [syaitan] yang pengaruhi saya, ataupun Allah yang menentukan. Lama kelamaan, saya mengaku yang Allah (RALAT) telah menentukan saya untuk (RALAT) menjadi penyanyi. Bapa saya pernah cakap, nama saya Masrun. “Run- bapa ini bangga, kau itu anak aku yang paling *handsome* [kacak]” bapa saya cakap itu. Dengar itu-. “Saya bangga kamu adalah salah satu anak aku yang paling *handsome*, tapi bila engkau keluar kat (di) simpang itu, dengan anak si Zahir itu. Engkau kalah *handsomenya*. Engkau cuma anak aku je (saja) yang *handsome*. Engkau keluar kat (dekat) simpang itu, dengan anak si Ibrahim dengan si Azman itu. Lagi *handsome* daripada kau, kau cuma anak aku yang *handsome* je (kacak saja). Macam mana (Bagaimana) engkau nak (hendak) jadi penyanyi. Penyanyi ini mesti nak (hendak) *handsome* (kacak), itu-.ini-. Kau ini miskin, baju tak ada (tiada). Orang lain kerja, kau nak melalak sana sini. Boleh tolong tak ubahkan, cita-cita kau”, tapi saya degil juga jadi macam [seperti] ini. Inikan, pada suatu hari. “Aku rasa malaikat pun tak nak (tidak mahu) berurusan dengan engkaulah Run. Kau pergi nak jadi penyanyi juga, pergilah kau keluar. Bapa tanam kelapa ini, kau keluar daripada rumah ini. Kau tengok esok, siapa yang berbuah dahulu hasilnya. Nyanyian kau ke kelapa ini dulu yang berbuah”. Akhirnya saya kalah, yang berbuah dulu kelapanya. Saya belum-- (gelengkan kepala) belum jadi penyanyi lagi-. Itu perjalanan yang teruk. Perjalanan yang teruk. Entah! Saya pun tak tahu [tidak tahu]. Bukan untung sangat jadi penyanyi pun (RALAT). Betul cakap kamu tadi, kalau betul- betul kita buat sesuatu yang bagus, mungkin ada bagusnya. Boleh jadi ikutan, boleh buat baju Herman Tino. Boleh laku, macam itulah lebih kurangnya. Tak [Tidak] tahulah, Allah Maha Mengetahui. Jadi, keberhasilan saya jadi penyanyi amat teruk! Amat teruk! Jangan diikuti, dan saya terlalu sengaja untuk menjadi penyanyi. Saya memang sengaja, saya memang tak (tidak) akan cakap saya tak (tidak) sengaja untuk jadi penyanyi. Saya memang sengajakan diri saya penyanyi dengan keperitan yang amat miskin. Seorang anak miskin nak *popular* [terkenal]. Ya Allah- (berpaling muka). Rupanya dah *popularkan* [terkenalkan], lupa diri itu sentiasa dekat (mempertemukan antara tangan dengan tangan), riak itu sentiasa mendekati Herman Tino. Ya! Ha! Esok kalau kau pandai, macam itulah. Kata orang Jawa, kalau kau laju, jangan mendahului. Kalau kau pintar, jangan mempengaruhi,

membodohkan. Kalau kau ada ilmu sakti, jangan membunuh. Kalau kau pandai, jangan memandai-mandai, kata orang Jawa.

NZ & SNK: (mengangguk)

HT: Faham ke tidak?

NZ: Faham faham.

HT: Kalau kau laju--.

SNK: Jangan mendahului.

HT: Oh! Bermakna anak aku ini--- aku nak (hendak) macam itu. Orang bercakap. Dengar (RALAT). Kau mesti teruskan itu. Kamu pun mesti teruskan itu. Apabila orang bercakap, pum! Kau dengar! Itu semua pela- pelajaran itu. Tengok tadi. Tengok-. Kalau kau laju, jangan mendahului. Kalau kau pintar, jangan mempengaruhi dan membodohkan. Kalau kau ada ilmu sakti, jangan membunuh. Kalau kau pandai, jangan memandai-mandai.

NZ: Mandai-.

HT: A-. Itu. Kau pegang itu. Herman Tino bagitahu kau. Rahsia. Bagus Khadijah (senyum).

SNK: A- Encik.

HT: Masa itu saya umur [berumur] enam-- tiga belas tahun [13tahun] macam [seperti] itu. "Kau boleh nyanyi ke [menyanyikah]?" (RALAT). Hm-. Aku pun tunggu-- tunggu-. Tetap tak dijemput-- jemput- juga. Lama-kelamaan, saya tulis permintaan sendiri. Permintaan daripada orang--- meminta Masrun untuk menyanyi. Padahal, yang tulis surat itu saya sendiri. Pun- tak dijemput juga (RALAT). Begitulah Herman Ti--- Masrun itu nak jadi Herman Tino. Hm- (mengangguk).

**SNK: Jadi, berjayakah Pak Herman menyanyi dekat (di) kampung?**

HT: A- berjaya. Akhirnya, lama-kelamaan, setelah umur saya enam belas tahun [16tahun]. Baru saya dikenal pasti dan diterima masuk- ke kugiran kampung.

SNK: Oh- (sambil mengangguk).

HT: Maka, berlatihlah habis-habisan. Herman Tino tak [tidak] jemu—jemu- berlatih-- berlatih- berlatih- berlatih-. Lagi?

**SNK: A- Soalan karier pula, boleh ceritakan karier awal Pak Herman sebagai seorang penyanyi? Bila buat [membuat] keputusan untuk menyanyi secara serius sebagai seorang penyanyi?**

HT: Oh- okey. Saya gagal (muka sedih), di kampung saya gagal teruskan menyanyi. Lepastu [Selepas itu], pada tahun tujuh puluh lima [tahun 1975], saya telah berpindah ke Kuala Lumpur [Malaysia]. Bila [Apabila] saya berpindah ke Kuala Lumpur [Malaysia], saya duduk di rumah setinggan, dan saya menyanyi terus kat [di] setinggan itu bila [apabila] ada pasar malam. Saya pun memberanikan diri, menyanyilah di pasar malam itu. Bukan dibagi duit, malah

kita nak [hendak] menyanyi, kita kena bayar [dikenakan bayaran] dua ringgit [RM2]. Saya menyanyilah setiap seminggu sekali kat [di] pasar itu ada kugiran, saya menyanyilah. Lama-kelamaan, saya berjaya- masuk ke angkasapuri. Berjaya masuk saja [sahaja], lepas [selepas] itu, berjaya mendekati (RALAT) penerbit sehingga saya dijemput untuk menyanyi secara kecil-kecilan di angkasapuri itu.

**SNK: Macam mana [Bagaimana] boleh masuk- situ?**

HT: Hm?

SNK: Macam mana boleh---

**NZ: Masuk angkasapuri?**

HT: Masuk ke angkasapuri tu [itu], nawaitunya memang nak [hendak] cari peluang untuk mendekati--- jadi penyanyi. Nak [Mahu] berbaik-baik dengan penerbit-penerbit radio bukannya tv [televisyen]. Penerbit radio. Jadi akhirnya, saya berjaya mendekati penerbit radio dan dia pun pelawalah untuk menyanyi kecil-kecilan di program Semi Professor Radio, dengan bayaran satu program, dua puluh lima ringgit [RM25], tiga puluh ringgit [RM30] di *local program* [program tempatan]. Akhirnya- (berfikir), begitu berlaku beberapa tahun (berhenti seketika). Beberapa tahun di radio. Akhirnya- saya mengenali Nasir P. Ramlee [Teuku Mohammad Nasir bin Tan Sri Teuku Zakaria, komposer lagu]. Saya mengenali Nasir P. Ramlee itu anak Tan Sri P. Ramlee. Setelah mengenali dia, dia ini -- ini- ini, dia tahu kebolehan saya. Dia bawa saya ke E-M-I- (EMI Penerbitan Muzik Malaysia Sdn. Bhd.) untuk diujibakat. Itu belaku pada tahun lapan puluh tiga [tahun 1983]. Waktu itu umur saya dua puluh Sembilan tahun [29tahun]. Akhirnya, saya menjalani ujian (merenung ke

arah kanan), dengan-- dengan- dengan- apa dengan kerja, usaha Nasir P. Ramlee yang--- akhirnya saya diterima jadi penyanyi.

**NZ: Kiranya Pak Herman pernahlah melalui er- ujibakat sebelum jadi (menjadi) penyanyi?**

HT: Ya. Ujibakat itu di EMI.

NZ: EMI.

HT: Saya tak [tidak] pernah masuk pertandingan lagi babak tv ke, bintang RTM ke. Tak pernah (membuat silang pangkah). Bila [Apabila] saya lulus, S. Atan [Hashim Said, komposer muzik] pulak [pula], penerbit dari Singapura berkenan untuk menerbitkan album saya. Jadi, di situlah mula-mula- saya jadi [menjadi] penyanyi. Payah [susah] juga untuk lulus ujian. Memang payah [susah]. Nasib baik saya mempunyai Nasir Tan Sri P. Ramlee dan S. Atan yang mempercayai--- dan saya pernah ditolak untuk berduet dengan Sharifah Aini [Datuk Sharifah Aini binti Syed Jaafar, Biduanita Negara]. Sharifah Aini tak [tidak] mahu berduet dengan saya dalam program (RALAT) Album Melayu Deli. Akhirnya, S. Atan bagi kepercayaan penuh juga supaya--- saya adalah layak untuk berduet dengan Sharifah Aini dalam Melayu Deli, dengan kebijaksanaan S. Atan. Akhirnya saya dapat buat rakaman dengan Sharifah Aini dengan Zaleha [Siti Zaleha binti Abdul Hamid, Ratu Dangdut Malaysia Era 80-an] dan letup [meletup] lagu itu. Letup [Meletup] lagu itu.

**NZ: Tapi [Tetapi], dari mana S. Atan kenal [mengenal] Pak Herman?**

HT: S. Atan mengenali saya daripada hasil ujian-.

**NZ: Ujibakat?**

HT: Ujian- ujian suara saya.

NZ: Ujian suara-.

HT: Dan pihak EMI Kuala Lumpur hantarkan ujian itu ke Singapura untuk penialaian S. Atan, (RALAT) dan S. Atan setuju betul untuk membawa saya masuk ke dunia--- Padahal waktu saya dekat [di] RTM, sorang [seorang] pun tak- [tidak], tak pernah mempelawa saya untuk *recommend* [mengesyorkan] saya jadi apa-- -. Jadi kalau tak [tidak] ditolong oleh Nasir P. Ramlee memang saya gitu-- gitu- [biasa] aja [sahaja]. Sebenarnya kalau saya nak sentuhkan ini, perkara ini secara *detail* [teliti]. Huh! Ini saya *shortcut* [jalan pintas] saja [sahaja] (tangannya seolah-olah memotong). Cukup saya cakap, Herman Tino -- Masrun Tamisi nak [hendak] jadi Herman Tino memang sukar.

**NZ: Baik, dengan ini berakhirlah sesi tembual sejarah lisan sesi pertama mengenai-- mengenai bidang seni hiburan bersama-- Encik Masrun bin Tamisi. Jadi, kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama beliau untuk diwawancara. Sekian, terima kasih.**

HT: Sudah tentu. Sama-sama.

**NZ: Assalamualaikum wbt. dan salam sejahtera.**

HT: Waalaikumussalam warahmatullah.

adalah Azean Irdawaty [Pelakon Malaysia]. Yang saya ni [ini] tak [tidak] dipelawa-pelawa untuk jadi pelakon padahal penerbitnya kawan baik saya. Saya baik dengan dia, saya tidur rumah dia, itu tak [tidak] dipelawa jugak akhirnya saya marah dia “Aku ni puas jadi kuli kau pergi pasar pergi ini, aku ni nak [hendak] jadi pelakon, tolong lah!” ni -- ni - ni - ni - saya marah dengan Khailan Abu. Dia marah saya balik. “Aku bukan taknak tolong kau jadi pelakon tapi slang jawa kau ni [ini] pekat sangat!”

NZ & SNK: (Tergelak kecil)

HT: Itu pulak alasannya. Akhirnya, \_\_\_\_ tiba-tiba dalam waktu yang sama, saya teruskan nyanyian. Aku pelik jugak, saya menyanyi takde [tiada] slang jawa sangat --

SNK & NZ: (Serentak) Haah (mengangguk)

HT: -- tapi [tetapi] bercakap slang jawa padahal dah [sudah] lama.

SNK: (Menyampuk) Duduk kat [di] KL [Kuala Lumpur, Malaysia].

HT: Tu lah [itulah] Allah tu pun satu hal jugak [juga] jadikan saya gagal persekolahan, slang jawa pun pekat sampai sekarang. Apa la. Tapi [tetapi] bila [apabila] nyanyi takde slang jawa.

**NZ: Tapi [tetapi] kira memang betul lah ditakdirkan untuk menjadi penyanyi betul lah, bukan pelakon sangat?**

HT: (Mengangguk) Jadi memang Allah memang nak [hendak] jadikan saya penyanyi, bukan seorang pelakon. Ada jugak [juga] lah bila dah [sudah] jadi popular jadi penyanyi, jadi pelakon, asyik-asyik jadi bomoh ajela [saja lah]. Apa lah Herman Tino ni. Tapi [tetapi] walau macam mana saya suka, berlakon tak [tidak] kisah la kalau ditawarkan apa pun, saya suka jadi pelakon.

**NZ: Okey, semasa menjadi seorang pelakon, apakah watak pertama yang ditawarkan?**

HT: (Menguap sambil lap air mata) Watak pertama jadi pelakon pak pacak je [saja] dialog satu dua je [saja] masatu belum jadi penyanyi lagi dan saya pernah jadi pelakon yelah dialog yang sebijik [sebiji] dua dalam cerita 'Bintang Pujaan' masatu heroinnya si Sharifah Aini [Datuk Sharifah Aini binti Syed Jaafar, Biduanita Negara] tahun tujuh puluh lapan [1978]. (Lap hidung) Filem tu berjudul 'Bintang Pujaan'. Tu [itu] yang pertama sekali saya berlakon. (berdehem)

**SNK: Tu [Itu] filem atau drama?**

HT: Filem. Masatu [masa itu] filem.

**SNK: Drama pertama?**

HT: Drama -- lupa lah saya (geleng kepala). Drama apa entah dulu lupa lah saya.

**NZ: Okey dalam em sepanjang karier menjadi seorang pelakon lah, apakah watak yang paling digemari lah oleh Pak Herman?**



HT: (Berfikir) Entah. Saya tak [tidak] boleh cakap. saya ni [ini] kan (berdehem), saya akan lakukan (tunjuk jari ke arah barat) tugas saya sebagai pelakon sekecik [sekecil] mana ataupun sebesar mana (berdehem tutup mulut) apa dia -- peranan tu [itu], lepastu [selepas itu] saya lupa. Saya tak [tidak] pernah (isyarat tanda tidak) tengok lakonan saya. Selepas rakaman disiarkan (geleng kepala) saya tak [tidak] suka tengok saya berlakon. Jadi saya tak [tidak] teringin (tepek peha) nak [hendak] menerima apa-apa (geleng kepala) anugerah pun saya tak [tidak] pernah terima.

**NZ: (Mengangguk) Kenapa Pak Herman tak [tidak] pernah tengok lakonan yang Pak Herman bawak [bawa] tu [itu]?**

HT: (Mengangguk) Tu [itu] pun pelik jugak [juga], bukan saja lakonan, saya dengan nyanyian saya pun saya tak [tidak] suka!

NZ & SNK: (Serentak) Oh-. (mengangguk).

HT: (Mengangguk) Kalau terdengar tu [itu]saya buat *don't know* [tidak tahu] (geleng kepala) jela [sahaja la] (batuk)

**NZ: Kiranya kalau keluar kat [dekat] radio la misal kata, Pak Herman tukar *channel* [siaran] ataupun Pak Herman biar je [sahaja]?**

HT: Saya suruh (tunjuk jari ke kanan) kalau anak saya ada saya suruh kecikkan (kecilkan). Saya tak [tidak] pernah (isyarat tangan tanda tidak) bangga dengan nyanyian saya, saya tak [tidak] pernah bangga dengan lakonan saya (geleng kepala). Saya cuma lakukan tugas saya saja [sahaja]. Dah [sudah] nyanyi, nyanyi lah. Saya pun macam tu [itu] (tepek peha). Orang nak [hendak] minat saya, silakan. Orang nak [hendak] lupakan saya pun, silakan. *No problem* [tiada

masalah] (angkat tangan ke atas tanda menyerah) Saya serah diri. Saya cuma seorang penyanyi. Saya nak [hendak] latih diri saya saja [sahaja] jangan riak sangat lah kalau dia tanya. Saya kerja waktu saya bertugas saya betul-betul, lepas tu [itu] balik. Saya tak [tidak] mahu (geleng kepala) tahu hasil nyanyian saya. Cuma saya praktikkan (tunjuk jari telunjuk ke atas) waktu bertugas, betul-betul. Macam ni [ini], kamu *interview* [temu bual] saya, saya cakap betul-betul lepastu [selepas itu] (menggerakkan tangan tanda menghalau) hei! sudah.

HT: (RALAT) (Membuang sesuatu dari mulut)

**NZ: Okey apa (apakah) genre filem, genre filem yang Pak Herman suka atau minat ke?**

HT: Hm takde (geleng kepala).

NZ: (Menyampuk) Tak ada [tiada] (mengangguk)

HT: Saya tak tahu [tidak tahu] (geleng kepala). Saya tak [tidak] ambik [ambil] tahu.

**SNK: Pak Herman sendiri takde (tiada) tengok apa-apa filem?**

HT: Tak [tidak] berapa (geleng kepala). Saya tak [tidak] pernah tengok lakonan saya.

**NZ: Okey. Macam sekarang adakah Pak Herman masih berlakon lagi sehingga kini?**

HT: Ya (mengangguk). Ada tawaran lagi untuk berlakon walaupun *part-part* (bahagian-bahagian) kecil [kecil], ada lagi.

**NZ:** (Mengangguk kepala) Tapi kira macam --

**HT:** (menguap)

**NZ:** -- masa zaman-zaman dulu pun Pak Herman pernah lah jugak [juga] berlakon?

**HT:** Ya (mengangguk).

**NZ:** Ada berlakon-berlakon drama ke kalau macam *lately* (kebelakangan ini) ni, baru-baru ni je kot yang -- (berfikir) drama kot, 'Kampung Kolestrol' yang Pak Herman bawak watak menjadi ayah *pink* [merah jambu] - pakai baju pink tu. Tu [itu] kira macam komedi jugak la kan?

**HT:** Ya (mengangguk sambil ketawa kecil). Itu pun tak [tidak] -- saya tak [tidak] ambik [ambil] peduli. Dah [sudah] habis (isyarat tangan tanda menghalau) sudah. Orang nak[hendak] (menggoyang tangan) tengok orang nak apa saya tak [tidak] tahu (lap bibir).

**NZ:** Ni kira kalau macam ada orang tawarkan (menggerakkan tangan kanan) Pak Herman untuk berlakon lagi, Pak Herman masih sudi terima tawaran?

**HT:** Silakan (isyarat tangan tanda sila) *no problem* [tiada masalah]. Saya setuju kalau itu tawarannya, saya setuju.

**SNK:** Okey berkaitan album, boleh (bolehkah) Pak Herman cerita tentang pembuatan album sepanjang bergiat dalam industri muzik?

HT: Berkaitan album -- bermula buat album pada tahun (RALAT) lapan puluh tiga [1983]. Saya telah buat album -- (berfikir) S. Atan penerbitnya -- (berfikir) dan kemudian pegiring muzik dalam rakaman adalah 'Black Dog Bone' (lap bibir sambal berdehem) -- dan saya akui lah waktu buat album tu [itu] adalah satu pemerahan kepala otak (tangan menunjukkan gaya memerah otak) sama ada melalui muziknya, melalui seni katanya, melalui lagunya. Itu amat mendebarkan (RALAT) lah. Setiap pembikinan album tu [itu] amat mendebarkan dan bukannya mudah nak [hendak] memikat orang supaya ambik tahu tentang penyanyi. Bukannya mudah (tepek peha) untuk nak [hendak] ambik duit orang kat [dekat] kocek, bukannya mudah. Jadi pembikinan album adalah satu penyeksaan (geleng kepala) jiwa kerana kita sandarkan (menggoyangkan tangan) kita punya kebolehan untuk mendapatkan perhatian yang kita takut tu [itu], setiap kali pembikinan album, takut kita syok sendiri (berdehem). Kita yang syok sendiri orang tak [tidak] ambik [ambil] peduli tu [itu] yang kita takut (mengangguk). Dan keterlibatan untuk membuat album tu [itu] bukannya Herman Tino sorang. Pemuzik, penulis seni kata --. *O-soundman* (seseorang yang mengoperasikan system bunyi), semua terlibat untuk menjayakan pembikinan sesebuah album dan jawabnya adalah perit. Setiap kali (tepek peha) (RALAT) membuat album, dia adalah (geleng kepala) satu tamparan hebat. Dia mesti nak [hendak] (tepek peha sambil menghalakan tangan ke arah kamera) mengenalpasti, dia mesti nak [hendak] mengatasi album yang dulu. Tak boleh lebih rendah (tangan menjunam tanda arah rendah), kita mesti nak [hendak] atasi lebih. A- itu bukannya kerja senang (lap bibir). Itulah (geleng kepala) yang paling memeritkan (tangan digenggam tanda perit) perasaan untuk mengatasi (tangan bergerak) yang dulu. Itu susah. Macam kamu sendiri pun sama, untuk kamu lebih baik daripada (geleng kepala) oih itu bukannya -- mudah. Terbawak-bawak [Terbawa-bawa] jugak *pe'el* [perangai] zaman dulu! *Yes* (mengangguk).

**SNK: Jadi sepanjang bergelar penyanyi, berapa album yang pernah Pak Herman keluarkan?**

HT: (RALAT) Ada sembilan album (mengangguk).

**SNK: Oh- sembilan. Pada pendapat Pak Herman lah, album yang mana yang paling popular?**

HT: 'Mengapa Dikenang Mengapa Difikir' album saya yang pertama.

**SNK: Siapa yang bantu Pak Herman hasilkan album tersebut?**

HT: Semuanya S. Attan (mengangguk). S. Attan (lap bibir). Lagu itu ciptaan S. Attan tahun lapan puluh tiga [1983] dan dia telah memerah otak bagaimana (tepek peha) dia nak [hendak] popularkan penyanyi baru (menggerakkan jari telunjuk ke hadapan) kelahiran dia.

**SNK: Lagu tu [itu] lirik tersebut siapa yang buat?**

HT: Hm?

**SNK: Siapa yang reka lirik tersebut?**

HT: Lagu 'Mengapa Dikenang Mengapa Difikir' ciptaan S. Attan lirik oleh arwahnya Haron Abdul Majid.

**SNK: Dia berkisahkan apa?**

HT: Pada rakaman album itu, S. Attan jugak memulakan percintaan dengan seseorang (jari tunjuk satu) gadis. Jadi itu kisahnya. Saya tidak ada (geleng kepala).

**NZ: Kiranya lirik tu [itu] berdasarkan pada kehidupan S. Attan ke ataupun Pak Herman?**

HT: Saya tak [tidak] tahu penulisnya adalah Haron Majid -- Haron Majid. Saya rasa mungkin untuk S. Attan ataupun untuk kawan dia ke. Dah [sudah] tentu bukan untuk saya (geleng kepala). Saya tak [tidak] bercinta pada waktu tu [itu]. Percintaan saya untuk nak [hendak] jadi penyanyi je [sahaja].

**NZ: Kira dalam banyak-banyak lagu ataupun dalam banyak-banyak album lah, ada ke a- lirik yang Pak Herman aaa tulis sendiri?**

HT: Eh banyak! (mengangguk)

**NZ: Banyak. Tapi [tetapi] kira macam lirik-lirik yang Pak Herman tulis tu, ada berkaitan dengan kehidupan Pak Herman sendiri ataupun *random* [rawak]? A- *just* [cuma] terlintas kat fikiran a- tulis terus atau macam mana?**

HT: Untuk diri saya ni ada jugak lah (mengangguk) satu dua lagu. (RALAT)  
Tapi yang lain tu - saya tujukan pada masyarakat. Saya tujukan pada diri sendiri, adalah satu dua lagu yang saya rasa saya syok sendiri untuk saya sendiri.

**SNK: (Menyampuk) Lagu apa tu?**

HT: Lagu tu adalah apa -- ‘Cinta Tertahan-Tahan’, (RALAT) ‘Ku Pendam Biarpun Parah’. A- tu je.

NZ: (RALAT) Okey, a- kita masuk dalam kenangan manis la eh. Apa kenangan manis yang Pak Herman tak [tidak] dapat nak [hendak] lupakan sampai sekarang ni a- sehingga-- sepanjang bergelar sebagai seorang penyanyi? Kenangan manis?

HT: Kenangan manis saya -- (berfikir) akibat nyanyian saya, saya dapat memikat seorang juruhebah perempuan, namanya Noraini Ibnu saya jadikan dia (jari tunjuk kamera) sebagai isteri. Itu saja. Itu manis sangat.

NZ: (Menyampuk) Kiranya itulah kenangan manis yang paling segar lah sampai sekarang Pak Herman tak [tidak] dapat lupakan?

HT: (Mengangguk sambil lap mata) Ya ya.

NZ: Pak Herman ada ke kenangan manis dengan a- rakan-rakan penyanyi yang pernah membantu dalam menghasilkan lagu?

HT: (Mengangguk) Arwah Sudirman [Dato' Sudirman bin Arshad, Penyanyi Malaysia] -- (berfikir) pernah menyambut kedatangan saya ke dalam dunia seni dan kami -- saya dengan Sudirman dalam kompeni yang sama \_\_\_\_\_ dan dia baik dan dia menghormati saya, menghormati kemampuan saya dan juga kemampuan isteri saya menjadi *DJ radio* [joki cakera] waktu tu (RALAT) dan dia bagi kata-kata semangat selamat datang, “Jom kita teruskan menghibur dengan baik”.

**NZ:** **Ataupun a- Pak Herman ada kenangan manis bersama-sama dengan rakan produksi ketika di studio dalam menghasilkan lagu?**

HT: (Menguap) Sudah tentu. Sewaktu rakaman *basic* [biasa] bermula saya dapat perhatikan pemain-pemain muzik buat rakaman terdahulu. (RALAT) Saya perhatikan S. Attan sebagai penerbit, dia adalah (angguk) penerbit tulen (jari tunjuk satu) iaitu penerbit yang lapan puluh *percent* [80%] ambil tahu tentang penerbitan. Kita nampak segala-galanya yang berlaku dalam studio, kita nampak S. Attan mencantikkan muzik, kita nampak S. Attan membuat lagu yang *ad hoc* [hingga ini], semua kita nampak. Itu mengembirakan. (RALAT)

**NZ:** **Sekarang kita masuk dalam a- kenangan pahit pulak. Apakah liku kehidupan yang pahit yang pernah Pak Herman tak [tidak] dapat lupakan sampai sekarang a- sepanjang bergelar sebagai seorang penyanyi? (RALAT)**

HT: Yang pahit tu saya tak [tidak] pernah dipercayai, oleh -- (berfikir) beberapa orang yang tidak memungkinan (geleng kepala) saya menjadi penyanyi dan memungkinan saya tak [tidak] *success* [berjaya] jadi penyanyi. Padahal sekampung, memang teruk. Memang teruk (tangan atas kepala) untuk saya jadi penyanyi. Bukannya saja yang -- yang cabaran tu [itu] banyak orang yang suka dan yang tak [tidak] suka. Yang pasti yang menyukai saya, yang merestui saya adalah Allah je. A- begitulah. Kekadang tu [itu] tidak percayai penghasilan sebagai penyanyi, hm a- itulah.

**NZ:** **Tapi [tetapi] lepas a- apa ni Pak Herman a- berjaya untuk menjadi seorang penyanyi, pastu [selepas itu] Pak Herman ada ke a- pulang ke kampung halaman? (RALAT)**

HT: (Menguap) Eh sudah semesti -- mesti.



**NZ:** Lepastu [selepas itu] tunjuk kejayaan pada mereka yang merendah-rendahkan Pak Herman?

HT: Mesti. Ada jugak [juga] yang menyambut kegembiraan tu [itu] ada. Yang tak [tidak] mahu mengaku saudara pun ada bila sebelum a- bila kita dah popular - "Haa itu saudara aku!" (RALAT)

NZ & SNK: Oh-. (mengangguk)

HT: "Itu kawan aku-." padahal waktu dulu dia hina kita. Ada banyak, banyak yang macam tu [itu] (garu dahi). Dah [sudah] berjaya baru mengaku "Eh itu sedara aku tu-.". "Tak [tidak] sangka si Khadijah tu [itu], dulu baik sekarang dia jadi GRO."

NZ & SNK: (Gelak kecil) Astaghfirullahal'azim.

HT: A- tu, ada macam tu kadang-kadang tu \_\_\_\_\_.

**NZ:** Aha a-, a- ye-- [ya--] ye- [ya] (mengangguk).

HT: (Gelak kecil) Khadijah (jari tunjuk pada Khadijah), okey jah apa lagi jah.

**NZ:** Okey, a- kalau macam a- sepanjang menjadi seorang penyanyi, Pak Herman ada ke a- apa ni kenangan pahit bersama-sama dengan a- rakan-rakan penyanyi yang lain? Kot-kot [mungkin] masih ada a- rakan-rakan penyanyi yang masih tak [tidak] suka dengan kejayaan Pak Herman sendiri ke?

HT: Dia ginilah [beginilah], ini andaian tau. Senyum orang tu kadang-kadang kita tak [tidak] boleh baca.

SNK: Haah.

HT: Walaupun kawan sendiri. Gini [begini] ya saya bagi contoh. Musuh pada seorang *engineer* [jurutera], adalah *engineer* jugak [juga]. Musuh kepada arkitek, arkitek jugak. Musuh kepada imam satu (tunjuk jari satu)?

NZ: (Menyampuk) Imam dua.

HT: Imam dua. Musuh kepada Perdana Menteri, timbalannya. Musuh kepada penyanyi?

NZ: Rakan penyanyi.

HT: Penyanyi jugak. A- jadi tu semua, biasa. *No problem* [Tiada masalah]. Imam satu pun musuhnya Imam dua.

NZ: Betul.

HT: Perompak musuhnya? Perompak jugak [juga]. (gelak kecil)

**NZ: Okey, kalau macam a- kenangan pahit a- Pak Herman bersama-sama dengan komposer lagu yang pernah Pak Herman kerjasama?**

HT: Tak [tidak] berapa lah. Tak [tidak] berapa pahit dengan komposer lagu, tak [tidak] berapa. Itu -- okey.

**NZ: Okey. Kita ikutkan dari segi perkembangan Pak Herman sekarang ni la eh [ya]. Bolehkah Pak Herman kongsikan a-aa perkembangan Pak Herman ketika ini?**

HT: Okey perkembangan saya sekarang ni [ini] (RALAT) saya mengaku saya sudah berumur untuk menjadi penyanyi yang dah [sudah] berumur dan digemari, itu bukannya enteng [mudah]! Bukannya mudah. Dan, idea ni [ini] bukannya selalu datang, ilham bukan selalunya datang. Itu yang kita mohon dengan Allah adalah ilham, bukannya wahyu! Heh, kita mohon dengan Allah tu [itu] ilham. Tapi [tetapi], Allah tu [itu] dah tolong Herman Tino tu [itu] banyak. A- banyak dari dulu lagi dah ditolongnya Herman Tino tu. Cuma, kadang-kadang Herman Tino tu [itu] pun, entah. Bersyukurnya macam mana, tak [tidak] bersyukurya macam mana. Nak [hendak] mintak [minta] dengan Allah selalu je [sahaja], malu jugak. A- malu. Jadi, asam garam jadi penyanyi yang dah [sudah] ada umur, sudahlah! Jangan terlalu ingin nak [hendak] menongkak langit je [sahaja] (tangan tunjuk ke langit), tak [tidak] boleh! Dan apa pun saya setuju untuk dilupakan, saya setuju untuk disingkirkan, saya setuju, saya setuju. Saya setuju untuk tak [tidak]diminati, pun saya setuju untuk tidak terkenal pun saya setuju.

**SNK: Jadi perkembangan dalam bidang seni untuk masa sekarang ada apa-apa yang Pak Herman masuk ke?**

HT: Ya ya. Tapi [tetapi] sebenarnya hati kecil saya, saya ingin buat dua [2] tiga [3] lagu untuk tatapan anak-anak zaman ini. Dan saya harus bekerja keras untuk memikat penggemar muda. Boleh faham tak? A- untuk -- untuk penggemar muda ambik [ambil] tahu – (RALAT).

SNK: Kisah lama.

HT: -- tentang Herman Tino. A- begitu. Jadi, apa pun saya percaya, kalau lagu bagus, muzik bagus, orang mudah tak [tidak] kisah ya, dengar (tunjuk telinga). Orang muda sekarang mendengar. Ambil pusing, ambil tahu. Tapi [tetpai], kita nak [hendak] memasuki dunia dia bukannya mudah! (RALAT) A- macam saya sekarang berkawan dengan si perempuan dua puluh dua tahun [22tahun] semuanya bukannya senang kalau takde [tiada] \_\_\_\_\_ kalau -- kamu takde [tiada] prihatin, daripada mengenal Herman Tino yang dah *expired* [tamat tempoh], lebih baik Aiman Tino.

SNK & NZ: (Ketawa kecil)

HT: Macam tu [itu] lah lebih kurang. Jadi kerana sebenarnya -- walaupun saya sanggup untuk dilupakan, tapi [tetapi] saya berhak! (tepek peha) untuk diingatkan.

SNK: Haah.

HT: Itu aja [sahaja]. Saya berhak, walaupun saya setuju (menggenggam jari sambil mengangkat tangan) untuk semua melupakan saya. Saya pun setuju untuk saya nak [hendak] memperingatkan bahawa Herman Tino pernah kerja.

NZ: Pernah kerja.

HT: Dah.

**NZ:** Okey. Adakah Pak Herman a- masih menerima tawaran untuk rakaman atau persembahan --?

HT: Hm (mengangguk)

**NZ:** -- buat masa sekarang ni ke?

HT: Ada. Masih ada.

**SNK:** Contohnya?

HT: Sama ada daripada kompeni ataupun individu yang mahu -- (berfikir) Herman Tino *comeback* [kemunculan semula] buat rakaman satu [1] dua [2] lagu \_\_\_\_\_ itu tetap ada (mengangguk).

**SNK:** Lakonan pun ada kan *time* [masa] tu [itu]?

HT: Ada jugak [juga] (mengangguk). Lakonan pun ada jugak [juga].

**NZ:** Okey. Apa kesan pandemik sebelum ni yang terjadi sebelum ni lah kan, a- pada kehidupan Pak Herman? Mungkin terkesan ke sebab [kerana] pandemik ni [ini] sendiri? (RALAT)

HT: Sebenarnya -- terus terang lah bila pandemik ni [ini] macam ni [ini] berlaku, ia amat menyusahkan penyanyi. Penyanyi tu [itu] mesti ada himpunan baru dia menyanyi. Kalau himpunan dah [sudah] tak ada [tiada] – (RALAT)

**NZ: (Menyampuk) Tak ada la kerja kan?**

HT: -- ni [ini] nak [hendak] menyanyi dengan siapa? Jadi dia amat terkesan mengesankan (garu telinga). Selain daripada mengesankan ekonomi, dia mengesankan jugak [juga] daripada psikologi mentaliti (mengangkat tangan ke atas) dia mengesankan bahawa nak [hendak] berhibur macam mana, nak [hendak] menghibur macam mana. Nak [hendak] berhibur macam mana? Nak [hendak] menghiburkan macam mana? Hiburan apa? (RALAT)

SNK: (Menyampuk) Tersekat.

HT: Kesan PKP wo wo -- dahsyat! \_\_\_\_\_ amat dahsyat!

**NZ: Okey, a- selain daripada Pak Herman menyanyi dan berlakon, a- adakah Pak Herman mempunyai penglibatan lain dalam bidang seni selain daripada a- itulah?**

HT: Ya (mengangguk). Saya sekarang sedang berbuat sesuatu dan meniaga tu [itu] biasa (berdehem), saya buat *construction* [pembinaan] jugak [juga]. Okey, tapi [tetapi] saya sedang buat, saya sedang bina galeri saya di Laman Tino [Tanjung Karang, Selangor, Malaysia]. Saya sedang buat galeri di Laman Tino. Laman Tino tu [itu] adalah hasil kerja saya, hasil daripada duit nyanyi saya. Dalam Laman Tino tu [itu] ada pentas, ada muzik, ada *fashion* [fesyen] *and* [dan] ada *fun* [seronok], dan dia sedang terjadi. Sepatutnya, kamu berada di Tanjung Karang [Selangor, Malaysia ] untuk menikmati Laman Tino.

SNK & NZ: Oh-.

HT: Tapi [tetapi] isteri saya di sini (tangan menunjukkan ke arah hospital), semuanya berubah.

NZ: (Menyampuk) A- belum, belum ada rezeki lagi.

HT: Hm.

NZ: Okey, a- kita masuk lebih terperinci sikit la mungkin benda ni dah lama, tapi takpa [tidak mengapa] kita *try* [cuba] la eh [ya]. Kalau Pak Herman, a- tak [tidak] keberatan la eh, a- boleh tak [tidak] kalau Pak Herman ceritakan mengenai penglibatan dalam politik?

HT: Hm okey, saya setuju ada politik, saya pun setuju ada nyanyian. Saya setuju ada ucapan (berdehem). Dalam pada politik saya ada nyanyian. Dalam nyanyian tu [itu] ada riwayat. Dalam perjalanan penyanyi tu [itu] kan \_\_\_\_\_ mesti teman berteman dengan para politik. Saya ambik [ambil] tahu tentang politik. (RALAT). Politik tu dalam bahasa jawanya adalah *notok* [tidak baik], pengatur, mengatur. Jadi ada kalanya pengaturan politik tu tak [tidak] seronok. Sebagai contoh macam ni [ini], apa yang menghiburkan kat kampung? (tangan menunjukkan ke arah kampung) Hiburan rakyat sepi -- hiburan rakyat sepi, muzik sepi, apa yang menghiburkan kat [dekat] kampung? Yang menghiburkan *politician* [ahli politik] sebenarnya. Berceramah politik sana (tangan menunjukkan ke arah kamera), agamawan pun berceramah ini -- ini - ini orang politik bawak [bawa] beras lima kilo [5 kilogram], dua [2] keping papan bagi pada orang kampung (hulur tangan memberi). A- itulah hiburannya. Dah *no* [tiada] nyanyian, tidak ada nyanyian. Jadi penghiburnya orang politik. Bawak [bawa] beras lima kilo [5 kilogram] (menghulur telefon bimbit), telur dua [2] papan -- "Herman Tino, ini untuk kau, esok undi aku ya" a- itu jelah [sahaja lah] (berdehem). Bila ada nyanyian (geleng kepala), haram! tu [itu] kata orang sini

haram. Tak [tidak] boleh nyanyi (geleng kepala) tu [itu] haram itu semua. Ceramah pulaknya duit masjid habis. Engkau penceramah politik (jari tunjuk pada Khadijah), kau pemberi kuliah. Nak [hendak] bagi duit kau siapa? Duit masjid. A- kuliah subuh, kuliah isyak tu [itu] semua. Yang datang tu [itu] mahu ke tak [tidak] dibayar? A- masjid. Aku nak [hendak] tanya kamu, kat [dekat] kampung kamu, ada masjid tak [tidak]? Kau pernah dengar imam masjid, ahli jawatankuasa masjid, jalann kat [dekat] kampung tanya kesusahan orang, ada? takda [tiada]! Jadi mana kebbaikannya? (angkat tangan tanya di mana) Dia cuma cakap ini duit masjid, orang tak [tidak] boleh campur. Duit masjid untuk apa?

SNK: Masjid.

HT: Untuk masjid je [sahaja], untuk jawatankuasa masjid. Kau pernah dengar tak [tidak] dekat kampung kau tu [itu], imam masjidnya dengan ahli jawatankuasa merayap kat [dekat] kampung jumpa Herman Tino "Lama kau tak [tidak] sembahyang Man, kau pergi mana?" ada?! Tak ada [tiada] (geleng kepala). Sepatutnya imam tu [itu] dia ambik tahu [ambil tahu]. Ahli jawatankuasa mesti ambil tahu "O- rumah Nurin kan ni [ini] bapaknya [bapanya] sakit katanya." (tunjuk jari telunjuk) imamnya datang. Ada tak [tidak]?! tak ada [tiada]. A- jadi begitu. Jadi politik, bila *you* [awak] tanya pasal politik maknanya, nyanyian apa yang saya nak hiburkan rakyat? Nyanyian apa yang saya nak [hendak] bantu orang politik? Ada ketidakadilan (tunjuk jari ke atas) di politik. kalau politik untuk diri sendiri macam mana? Lima kilo [5 kilogram] beras untuk orang suka dia. Jadi kat [dekat] situ ada nyanyian saya. A- begitu.

**NZ: Tapi macam dulu a- ada satu ketika tu Pak Herman kan cuba untuk melibatkan diri dalam a- politik dan bertanding?**

HT: Ya. Em (bergumam mulut).



**NZ: Kan? Jadi macam mana a- masa saat tu Pak Herman terdetik untuk apa ni terlibat menjadi seorang ahli politik?**

HT: Saya bukan seorang ahli politik tapi [tetapi] saya pun seorang yang ada jasa yang menterkenalkan kampung saya, negeri saya. Okey? Tapi [tetapi] kalau orang politik tak [tidak] ambik [ambil] pusing tentang jasa saya, apa boleh buat? A-?

NZ: (Menyampuk) Tapi [tetapi] ---.

HT: Di Tanjung Karang [Malaysia] -- sawah padi cantik, jangan lupa ada Herman Tino.

SNK: Haah.

HT: A- apa pasal orang politik tu tak me -- tak membantu apa-apa? Denga --. Herman Tino pun marah jugak.

**NZ: Hm sebab tu lah [itulah] Pak Herman a- apa ni terdetik untuk menjadi --.**

HT: Ya! (tunjuk jari telunjuk) Bukan dia tak [tidak] baik, dia baik. Tapi[tetapi] sepatutnya kaki tangan tu, kaki tangan masjid, ataupun kaki tangan politik, "Tan Sri, Herman Tino tu ni -- ni - ni jom kita bagi [beri] anugerah lah. Bagi [beri] lah surat penghargaan." Ini yang dibagi penghargaan hanyalah orang-orang bawah dia je [sahaja]. Marah tak [tidak] Herman Tino?

NZ: Marah.

HT: Eh sama je. Jadi kadang apa salahnya dah tua, kau tak [tidak] hormat aku sebelum aku-- aku lanyak engkau (tunjuk jari telunjuk ke atas).

NZ: Hm (angguk)

HT: Macam itu sajalah. Apa diorang tak [tidak] menghormati orang.

**NZ: Jadi siapa yang mendorong Pak Herman untuk terlibat dalam bidang politik?**

HT: O- ramai kawan-kawan (tangan mencapai telefon pintar)

**NZ: Ramai la kan?**

HT: Ramai kawan-kawan mendorong (sambal melihat telefon pintar)

**NZ: Okey. Masa tu [itu], di manakah tempat yang dipilih untuk Pak Herman bertanding?**

HT: Tanjung Karang [Malaysia].

**NZ: Tanjung Karang?**

HT: Ya-- ya (bermain telefon pintar).

**NZ: Okey, apa kekuatan yang menyebabkan Pak Herman sendiri kekal bertanding ketika itu?**

HT: Hm? (letak telefon)

**NZ: Apakah kekuatan yang menyebabkan Pak Herman kekal bertanding ketika itu?**

HT: Saya sebenarnya -- (berfikir) bila saya menyanyi, saya tahu banyak hal. Ada ketidakjujuran dalam orang-orang politik kawan-kawan saya. Ada ketidakjujuran dia bersaing sesama sendiri tak [tidak] menghormati. Dia hanya menghormati orang-orang politik sahaja. Itu dia sesama dia je [sahaja]. Dia tidak menghormati orang yang lain, yang amat berjasa, yang amat ingin di ambil tahu, dia cuma syok sendiri saja. Dia cuma syok sendiri. Makin didekati dengan harta, (RALAT) makin lagi mahu memiliki harta dengan kekuasaan dan saya pulak pegang secara global, (menunjukkan jari ke arah kamera) orang Melayu cuma berkuasa tetapi tidak menguasai. Kau faham tak [tidak]? Orang Melayu di Malaysia ni [ini] berkuasa je [sahaja] tapi [tetapi] tidak menguasai (berdehem). Jadi kesedaran itu, saya gadaikan nama Herman Tino untuk diambil tahu, diambil peduli. Tapi [tetapi] bukannya mudah. Orang kampung dengan lima kilo [5 kilogram] beras pun dia tak [tidak] pandang yang lain, dia pandang yang bagi lima kilo [5 kilogram]. Itu saja. Saya cuba untuk menjelaskan keadaan tumpul tajamnya mentaliti orang kampung tetap - boleh dibeli. Jadi saya marah, (jari masih lagi ada rakyat yang boleh dibeli demi keruntuhan. Jadi -- lagi satu *market* [pasar], di Malaysia jauh ketinggalan. Kalau artis, nak masuk pentas politik, eh dibenci! terhina. Kalau kat [dekat] India, atau Amerika atau di mana, (berdehem) tapi [tetapi] bukan di Malaysia (geleng kepala), Malaysia ni [ini] pengiktirafan oh- ke laut (jari telunjuk ke bawah). Artis masuk politik itu terhina namanya.

**NZ:** Kiranya sebabtu [sebab itu] la Pak Herman nekad untuk cuba melibatkan diri dalam politik sebab nak [hendak] naikkan ataupun nak ubah persepsi orang tentang artis bila melibatkan diri dalam politik tu rasa terhina?

HT: (Menyampuk) Ya!

NZ: -- gitu kan [begitukan] kiranya artis pun boleh --

HT: (Menyampuk) Boleh.

**NZ:** -- juga naik seperti politik?

HT: Sebenarnya, di Malaysia masih lagi tahap artis tu [itu] adalah terhina. Artis tu tak [tidak] bertempat. Itu masih lagi berlaku pengiktirafan yang macam itu di Malaysia ni [ini]. Artis itu adalah artis jelah [sahaja lah]. *You* [awak] artis-artis jelah. Apa yang nak kacau-kacau politik?

NZ: (Menyampuk) Hm betul.

HT: Ni takde [tiada] duit mintak lah! A- macam itu.

NZ: Hm faham.

HT: Dia anggap bahawa artis tu [itu] (tangan di letakkan di bahagian dada) bukannya satu [1] sumber. Artis tu [itu] hanya penglipur lara. Dia anggap macam tu [itu] la orang-orang politik. Jadi itu saya marah. Jadi walau --. Bila saya muncul

macam itu, mungkin ada desakan *coming soon* [akan datang], mungkin ada satu ketempiasan *coming soon* [akan datang].

NZ: (Menyampuk) Ada perubahan ke?

HT: Perubahan bahawa saya--. Jadi kita masih *low class* [kelas rendah]. Pasal [kerana] *politician* mengajak rakyat untuk menidakkan (tangan menunjukkan halau) kebolehan yang lain tau. A- yang tu [itu] tak [tidak] boleh - tak [tidak] boleh. Ibarat macam tu. Orang yang hebat bukan ada dalam kabinet tu [itu] (menolak telefon pintar di atas meja). Yang hebat, di luar gelanggang.

NZ: Hm betul.

HT: *You* faham tak [tidak]? Orang yang hebat, yang bagus bukan dalam kabinet menteri-menteri tu (membentuk satu putaran). Yang hebat di luar --

NZ: (Menyampuk) Di luar kabinet.

HT -- di luar kabinet. Contohnya macam Menteri Kewangan Zafarul [Tengku Zafrul, Menteri Kewangan] tu [itu], apa ke *bondo* [benda] politik dia? Tapi dia hebat kewangan. Dia hebat kewangan, bukannya orang politik. Orang politik ni [ini] cuma berkuasa. maknanya -- orang--. Jadi kan ni [ini] maksud saya, jangan pandang kecil[kecil] artis tu! Bak kata soalan kamu tadi (jari tunjuk ke arah Nurin) "Boleh ke artis mempengaruhi dengan nyanyian dia?" Boleh. Kalau boleh tu [itu] boleh - boleh. Ada yang tak [tidak] boleh, ada yang boleh. A- gitu. Sekarang ni [ini] kan zamannya orang bodoh telah berilmu.

SNK: Hm (angguk)

HT: Orang miskin dah mula pegang? (isyarat tangan menunjukkan duit)

NZ: Duit.

HT: A- ulang balik. saya ulang balik. (isyarat jari menunjukkan kiraan) Orang bodoh telah berilmu.

NZ: (Menyampuk) Berilmu.

HT: Orang miskin, sudah pegang duit (isyarat tangan menunjukkan duit). Orang yang pandai dah [sudah] memandai-mandai. Ni [ini] zamannya ni [ini] -- zaman ini (jari tunjuk ke bawah). Saya cukup marah kalau orang politik menganggapkannya tidak ada lain penghibur dalam Malaysia ni melainkan orang politik. Jangan benarkan orang lain (angkat tangan ke atas) artis nak terkenal melebihi orang politik. Susah kita nak [hendak] buat kerja! A- macam ini rosaklah kita punya bangsa. Jadi, bangsa kita jadi berkuasa tapi tidak menguasai lah. Janganlah begitu! Hormatilah kebudayaan, hormati. Ada yang tersembunyi. Saya dah cakap tadi, dalam kabinet tu kadang-kadang bukannya pandai, yang pandainya (tepek meja) di luar kabinet (gelak kecil). A- itu.

**NZ: Okey, ada lah satu kisah ni eh [ya], satu ketika dulu macam kenapa Pak Herman nekad untuk memilih untuk berjalan kaki dari Kuala Lumpur [Malaysia] ke Tanjung Karang [Malaysia] semasa Pak Herman bertanding sebagai calon bebas pada PRU13 [Pilihanraya Umum ke-13]?**

HT: Ya (lap bibir). Salah satu kegemaran hidup saya adalah berjalan kaki.

NZ: (Menyampuk) Oh-.

HT: Kalau saya tak [tidak] senang hati, jadi untuk melampiaskan saya punya kemarahan, adalah dengan berjalan kaki. Gitu [begitu] kan ye. Yang keduanya, sesuatu yang terjadi tu [itu], ada kesinambungannya. Saya pun berhak untuk mendapat liputan. Jadi saya berjalan kaki saya -- saya berhak untuk memikat wartawan untuk mengambil tahu, bercerita sebenarnya (mengangkat tangan ke atas), apa sebabnya Herman Tino jalan kaki gini - gini dan saya berceritalah macam ni dengan wartawan kat [dekat] tepi jalan. Tapi tak [tidak] disiarkan.

NZ & SNK: (Serentak) Oh, kisahnya.

HT: Saya berjalan kaki nak [hendak] memikat para wartawan untuk membuat liputan, membuat macam ini - macam kamu ni [ini]. Tapi [tetapi] bila --. Apesal [Kenapa] tak [tidak] keluar? (isyarat tangan sedang menjawab telefon) "Alaa boss saya --

NZ: (Menyampuk) Tak [tidak] bagi.

HT: -- tak [tidak] bagi" So [jadi], saya penat saja lah jalan kaki! Saya berjalan kaki nak [hendak] memikat para pelapor, para wartawan (lap mulut). A- apa boleh buat?! Penatlah Herman Tino!

**NZ: Betul. Jadi macam sekarang kenapa Pak Herman tak meneruskan karier politik?**

HT: Saya seorang penyanyi. (RALAT) Saya bukannya seorang pegawai ataupun menteri ataupun orang politik. Saya cuma penyanyi. Jadi nawaitu saya

adalah menyanyi. Saya bukan perawi, saya periwayat. Saya riwayatkan. Tapi - ramai yang tak [tidak] mendengar periwayatan saya. Kisah riwayat tu [itu] taknak [tidak mahu] dengar. Jadi \_\_\_\_\_ Saya berbuatlah sesuatu untuk menarik perhatian. Saya ni [ini] cuma artis saja. Jadi untuk menarik perhatian, macam-macam saya buat. Betul kata orang yang \_\_\_\_\_ apa nama dia (lap mata) \_\_\_\_\_ "Herman tino tu dah tak popular. Jadi dia tu [itu] kan hanya saja lawan aku. Dia nak [hendak] cari nama balik, nak popular balik." A- macam tu [itu]. So [jadi], betul jugak lah dia cakap pun betul. Dia tuduh saya, saya masuk politik lawan dia \_\_\_\_\_ pasal kononnya saya dah tak [tidak] popular. Jadi dia nak [hendak] cari nama lagi, a- dapat berita hangat Herman Tino lawan --. A- begitu lah. (mulut bergumam) Apa boleh buat? Lagi.

SNK: Okey, ni mengenai kerjaya lain.

HT: Hm.

**SNK: Apakah kerjaya lain yang diceburi selain bidang lakonan dan nyanyian?**

HT: Hm niaga [berniaga] biasa. Berniaga. *Contractor* [kontraktor].

**SNK: Macam mana boleh terlibat untuk meniaga?**

HT: Nak [hendak] teruskan kehidupan. Kalau dah [sudah] nyanyi tak [tidak] berapa laku (lap bibir), nak [hendak] jadi pegawai takde [tiada] sijil, nak [hendak] jadi imam orang tak [tidak] lantik. Macam mana? A- jadi saya mestilah berniaga kecil-kecilan. Beli dua puluh ringgit [RM20] jual tiga puluh ringgit [RM30]. Macam itu lah.



**SNK: Kenapa Pak Herman pilih perniagaan tersebut?**

HT: Nak [hendak] teruskan hidup.

**NZ: Habis macam tadi Pak Herman cakap Pak Herman ada galeri di Laman Tino tu kan?**

HT: Emm (mengangguk)

**NZ: Macam mana Pak Herman teretusnya idea nak [hendak] buat galeri tu [itu]?**

HT: Saya terkenal, katanya. Katanya saya mati juga. Bila-bila mati si Herman Tino tu [itu]. Jadi kerana kalau saya buat Laman Tino ada galeri, kenangan untuk *coming soon* [akan datang] generasi bahawa Herman Tino bernyanyi dan membuat sesuatu untuk kebaikan (garu kepala), saya nawaitu saya untuk galeri tu [itu] untuk dikongsi, dinikmati sama-sama untuk keseronokkan kalau datang ke Tanjung Karang tak [tidak] sah kalau tak [tidak] singgah ke galeri Herman Tino, apa salahnya. Macam tu [itu] lah.

**NZ: Galeri tu [itu] kira belum siap lagi la kan sekarang?**

HT: Sedang berjalan.

**NZ: (Menyampuk) A- sedang berjalan. Dalam pembuatan, dalam proses la? Kira macam *estimate* [jangkaan] benda tu siap sepenuhnya bila agak-agak?**

HT: Hm dalam April.

**NZ: April 2022?**

**HT:** Hm (mengangguk). In shaa Allah lah. Sesiap-siapnya, seadanya lah.

**NZ: Hm (mengangguk). Okey dari segi penganugerahan kan, boleh tak [tidak] kalau Pak Herman berkongsi serba sedikit tentang anugerah yang pernah Pak Herman perolehi?**

**HT:** (Isyarat tangan tanda tiada) Saya tak [tiada] ada anugerah. Tak mau [tidak mahu] anugerah pun saya.

**NZ: Okey. Kalau macam sumbangan eh [ya], sepanjang Pak Herman menjadi seorang anak seni, apakah sumbangan yang pernah Pak Herman sumbangkan? Sumbangan dalam industri seni?**

**HT:** Saya rasa apa yang saya beri saya tak mau [tidak mahu] cakap. Itu sesuai dengan tangan lagu saya "tangan kanan memberi, disorokkan tangan kiri" tu. Yang nyata saya sumbangan saya pada masyarakat adalah lagu saya. Itu saja. Lagu saya. (RALAT)

**NZ: So [jadi] kira sama lah macam masyarakat, pada bangsa dan agama juga?**

**HT:** Ya. Jadi kan ni [ini] kalau boleh saya nak [hendak] wujudkan lagu yang bagus supaya dapat membantu para pemimpin yang baik. A- mentadbir. Saya mengharapkan seorang pemimpin yang baik mentadbir kerajaan dan saya membantu dengan nyanyian. (RALAT)

**SNK: Okey yang ni [ini] berkaitan dengan harapan. Apa harapan Pak Herman yang belum pernah tercapai?**

HT: (Berfikir) Alah banyak sangat. Dengan harapan Herman Tino tu [tu] syok sendiri pun ada, yang ada jalan yang betul pun ada. (RALAT). Cuma, saya mohon lah harapan saya dalam dunia industri hiburan ni [ini], berkarya lah kepada generasi baru, kepada generasi baru yang berkarya, berkarya lah sampai boleh dieksport. Karya hiburan kita, karya budaya kita, bangsa kita, sampai boleh dieksport dan boleh di terima dengan selesa dan kita dapat menjajah, menakluki luaran Malaysia dengan budaya lagu-lagu kita, budaya kita. Dengan mentaliti kita, kalau berani mendabik dada sebagai bangsa yang mahal, lagu, budaya mesti mahal jugak. (RALAT)

SNK: Hm (mengangguk)

HT: Seolah itu impian saya. Impian saya mesti eksport produk hiburan kita mesti eksport. Itu saja. (RALAT)

**SNK: Jadi perancangan Pak Herman untuk masa depan dalam bidang industri? Perancangan terdekat?**

HT: Tak [tidak] ada apa-apa perancangan Saya ingin cuma nak [hendak] menyanyi satu [1] dua [2] lagu yang -- yang boleh diterima generasi. Kalau bila ada lagu yang hebat, yang bagus, diterima oleh generasi, gerenti saya dapat upah.

SNK: Hm (mengangguk)

HT: Jadi perancangan macam tu [itu]. (Isyarat tangan) Kita seorang penyanyi ijab kabul untuk menjadi penyanyi kita mesti buat yang terbaik sampai kualiti, gerenti [jaminan] dapat upah. Engkau pun sama. Kalau kualiti, gerenti gaji kamu mahal. Betul (gelak kecil)

**NZ: Okey sekarang ni kita dah hampir ke penghujung eh [ya]. Kita kira macam *last question* [soalan terakhir] la eh [ya] untuk nasihat. Apakah nasihat Pak Herman kepada golongan yang berhasrat untuk menceburi dalam bidang industri muzik? (RALAT)**

HT: Saya dah [sudah] cakap, kalau kamu nak jadi arkitek, jadilah arkitek yang betul yang hebat. (RALAT) Kalau kamu nak [hendak] jadi perompak, kau jadi perompak yang betul! Merompak sekarang biar kena tangkap dua puluh tahun [20tahun] akan datang. Jangan merompak pagi petang kalau nak kena tangkap. Begitu jugak kalau kamu nak [hendak] menjadi ahli muzik. Jangan cuma di bawah jambatan, pokok jambu. Jadi pemuzik yang berkualiti dan eksport. Itu saja kepada para pemuzik. Kepada para penyanyi, hati-hati kalau kamu nak [hendak] berjual, kalau kamu nak [hendak] berdagang melalui artis, hati-hati. Sama ada perempuan ataupun laki-laki [lelaki-lelaki] a- itu. Kita ni [ini] mudah sangat, kita ni [ini] artis seperti telur di hujung tanduk. Senang saja kalau nak [hendak] tergolek. Kalau kamu pamerkan kerjaya kamu, kamu dapat pahala jugak walaupun tak [tidak] banyak. Tapi [tetapi], kalau kamu semua pamerkan aurat kamu untuk memikat, kau jaga kau. Kau jaga tu [itu] (isyarat jari berjaga-jaga). Di waktu kamu esok tak [tidak] laku, kamu akan menderita, teringat kisah-kisah lama. Jadi pada artis, pandai-pandai kamu. Jangan kamu jual seni, jangan kamu pijak-pijak seni untuk kepentingan diri. Begitu lah. Saya walau bagaimana, saya ikhlas - saya ikhlas bernyanyi dan selepas ini kalau dilupakan pun saya redha. Demi Allah (angkat tangan ke atas) saya redha kalau saya tak [tidak] di-- dihormati, saya redha. Tapi [tetapi], izinkan saya untuk berusaha mencari tempat jugak. Walaupun saya redha, izinkan saya bertempat. Macam mana nak [hendak] buat, macam itu lah.

**NZ:** Okey sebenarnya apa persediaan awal yang diperlukan sebelum menceburi industri seni muzik?

HT: *You* [awak] tanya apa? Muzik ke apa ni?

NZ: A- muzik.

HT: Pemuzik ke apa?

NZ: Pemuzik boleh, orang-orang ataupun penyanyi --

SNK: (Menyampuk) Untuk penyanyi baru yang --

NZ: -- dapat mencebur lah.

**SNK:** (Menyampuk) Apa persediaan awal yang perlu diorang ada?

**NZ:** (Menyampuk) Sebelum mencari seorang penyanyi?

HT: Kepada industri muzik lah, dalam perindastran -- perindustrian muzik sama ada penyanyi, pemuzik ataupun *arranger* [tukang susun], ingat! kalau boleh cari yang kualiti untuk dipamerkan tatapan bangsa. Itu pada *arranger* [tukang susun]. Pada penyanyi, nyanyi lah betul-betul lagu yang telah disediakan. Jangan cuba membohong dalam nyanyian. (RALAT) Bernyanyi mesti jujur, ada undang-undang bernyanyi. Nyanyian mesti jujur, itu yang penyanyi. Kepada pemuzik, mohon jangan cuma alip ba ta saja. Alang-alang kamu nak [hendak] jadi pemuzik, jadi pemuzik yang kamu sengajakan betul. Jadi kerana tolak ke

mana pun kamu adalah pemuzik yang handal. A- itu lah. Dan kepada apa ni [ini] (RALAT) penulis seni kata, hei *you* [awak] mesti paham lagu yang kamu nak [hendak] seni katakan. Kalau kamu nak [hendak] lahirkan percintaan, percintaan yang halal! Bukannya (bernyanyi) Jadi tu [tu] dah [sudah] jadi kan haram! A jadikan percintaan yang halal, keindahan percintaan zaman ini. Jangan jadi macam Masrun (gelak kecil) Jadi semua mesti nak [hendak] betul-betul lah. Pemuzik pun nak [hendak] betul-betul, *arranger* [tukang susun] nak [hendak] betul-betul, jom kita eksport kita punya produk. (RALAT)

**NZ:** Baik. Dengan ini, maka tamatlah sesi temubual sejarah lisan sesi kedua mengenai artis veteran dalam bidang nyanyian dan lakonan bersama Encik Masrun bin Tamisi. Jadi, kami mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Sekian, terima kasih. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang seni hiburan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

HT: (Lambai pada kamera) Terima kasih jugak [juga].

# **LOG TEMUBUAL**

## 6.0 LOG TEMUBUAL

LOG	TOPIK	
1.23 - 5.10	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nama tokoh Masrun bin Tamisi</li> <li>• Berasal dari Tanjung Karang, Selangor</li> <li>• Berkecimpung dalam nyanyian pada 50 tahun yang lepas</li> <li>• Seorang anak petani</li> <li>• Berumur 67 tahun</li> <li>• Nama Ayah : Tamisi bin Mat Karji</li> <li>• Nama Ibu : Asiah binti Haji Sidek</li> <li>• Nama Isteri : Noraini Ibni</li> <li>• Mempunyai 2 orang cahaya mata</li> <li>• Mempunyai 4 orang cucu</li> </ul>
5.22 - 6.55	Akademik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapat pendidikan sehingga tingkatan 3 sahaja</li> <li>• Menganggap penyanyi adalah taraf universiti</li> <li>• Bercita-cita untuk lulus sebagai seorang penyanyi</li> <li>• Bertekad meninggalkan persekolahan</li> <li>• Pernah menyertai pertandingan semasa tingkatan 1 atau 2</li> </ul>
7.00 - 9.10	Idola	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Idola dalam hiburan ialah Tan Sri P. Ramlee</li> <li>• Mengidolakan Tan Sri P. Ramle sejak umur 5 tahun</li> <li>• Menganggap Tan Sri P. Ramlee sebagai seorang wali Melayu</li> </ul>
9.20 - 15.20	Pandangan masyarakat kepada artis veteran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Beranggap artis veteran perlu membuat sesuatu dalam jurusan yang disukai</li> <li>• Tidak pernah menonjolkan diri</li> <li>• Menganggap artis itu abstrak</li> </ul>



		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Artis perlu tunjuk kebolehan dan inti pati nyanyian</li> <li>• Keterampilan artis dalam menerokai bidang nyanyian</li> <li>• Bersedia untuk dilupakan, disingkirkan dan dipijak-pijak</li> <li>• Bersedia untuk tidak dihormati</li> <li>• Artis merupakan periwayat</li> </ul>
15.25 - 17.50	<b>Pandangan tentang industri nyanyian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nyanyian merupakan anugerah Allah</li> <li>• Bercerita semula kisah pada zaman Nabi Daud Ketika berdakwah menggunakan bansi muzik</li> <li>• Ketua penyanyi mudah jadi tiang neraka</li> <li>• Nawaitu bernyanyi kerana Allah</li> </ul>
18.00 - 24.28	<b>Pandangan mengenai penyanyi dahulu dengan penyanyi sekarang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perbezaan antara dulu dan sekarang adalah peradaban</li> <li>• Penyanyi sekarang terlalu bebas dipengaruhi oleh dunia</li> <li>• Beranggapan jika kualiti ada, boleh dieksport</li> <li>• Membuat perbandingan antara lagu Melayu dan Indonesia</li> <li>• Jika lagu di eksport, boleh mempengaruhi dunia</li> </ul>
24.40 - 26.45	<b>Perbezaan pemakaian penyanyi dahulu dengan penyanyi sekarang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyanyi dahulu masih terdedah auratnya</li> <li>• Penyanyi zaman sekarang walaupun terpengaruh dan dipengaruhi masih menutup aurat</li> <li>• Menetapkan 3F dalam hidup iaitu food, fashion, fun</li> </ul>

27.00 - 30.20	<b>Bayaran penyanyi dahulu dengan penyanyi sekarang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika berkualiti mesti berhak menikmati mahal</li> <li>• Tidak boleh membandingkan bayaran dahulu dengan sekarang</li> <li>• Orang dahulu dan sekarang mempunyai ketahanan berbeza, peradaban berbeza dan kematerialan berbeza</li> <li>• Bayaran dahulu dan sekarang adalah serupa tetapi tidak sama</li> </ul>
30.30 - 34.15	<b>Pendapat mengenai penyanyi boleh mempengaruhi pendengar dan penggemar nyanyian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika penyanyi wanita cantik dan boleh menyanyi, dia boleh mempengaruhi masyarakat</li> <li>• Simpan rahsia keburukan masing-masing supaya orang suka dengan artis</li> </ul>
34.30 - 43.30	<b>Genre</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap bangsa mempunyai kebudayaan dan cita rasa yang sendiri</li> <li>• Pop adalah kemahuan dunia</li> <li>• Melayu lebih kepada joget dan dangdut</li> <li>• Jika mahu dengar joget, mesti dengar lagu asli</li> <li>• Bakat telah diukir oleh penerbit untuk membawa kebudayaan</li> <li>• Suara vokal bersesuaian dengan alunan melodi dan budaya</li> <li>• Menyelitkan lagu-lagu seni kata, syair-syair kebaikan</li> <li>• Vokal orang sekarang sesuai untuk genre sekarang</li> <li>• Tiada yang perlu dikhuatirkan tentang peralatan muzik lama untuk mengiringi lagu</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Muzik dan penyanyi adalah berbeza</li> <li>• Pemuzik adalah pemuzik</li> <li>• Belum tentu penyanyi boleh bermain muzik</li> <li>• Penerbit atau pengatur akan mengenalpasti vokal penyanyi jenis apa</li> <li>• Penerbit dan pengatur mencipta lagu yang boleh diiringi muzik kepada penyanyi</li> <li>• Penyanyi hanya menyanyi sahaja</li> </ul>
43.40 - 52.40	<b>Perjalanan sebelum menjadi seorang penyanyi</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak pernah menyesal gagal dalam persekolahan untuk jadi penyanyi</li> <li>• Minat menyanyi sejak umur darjah lima</li> <li>• Teringin menyanyi sejak tingkatan 1</li> <li>• Mendapat tentangan daripada ayah untuk menjadi penyanyi</li> <li>• Sanggup untuk tidak berpelajaran dari kecil</li> <li>• Menganggap Allah telah menentukan beliau menjadi penyanyi</li> <li>• Baba meletakkan kelapa sebagai tanda aras siapa yang berjaya dahulu</li> <li>• Gagal menjadi penyanyi sebelum kelapa berbuah</li> <li>• Apabila sudah terkenal, sentiasa lupa diri</li> <li>• Mesti teruskan walaupun orang berkata tentang diri</li> <li>• Pernah membuat persembahan di kampung semasa berumur 12 tahun</li> <li>• Selepas umur 16 tahun baru dikenali dan diterima masuk ke kugiran kampung</li> </ul>
52.55 - 59.00	<b>Karier</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Gagal meneruskan nyanyian di kampung</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1975</li> <li>• Beranikan diri bernyanyi di pasar malam</li> <li>• Berjaya masuk ke angkasapuri</li> <li>• Berjaya mendekati penerbit radio dan dipelawi untuk bernyanyi di program Semi Professor Radio</li> <li>• Mengenal Nasir P. Ramlee selepas beberapa tahun di radio</li> <li>• Telah dibawa ke EMI Penerbitan Muzik Malaysia Sdn. Bhd. untuk diuji bakat pada tahun 1983</li> <li>• Tidak pernah masuk pertandingan</li> <li>• S. Atan telah berkenan untuk menerbitkan album</li> <li>• Pernah berduet dengan Datuk Sharifah Aini dalam Melayu Deli</li> <li>• Pernah berduet dengan Siti Zaleha, Ratu Dangdut Malaysia Era 80-an</li> </ul>
<b>Temubual Sesi Kedua</b>		
<b>1.00 - 9.38</b>	<b>Lakonan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minat dalam lakonan sewaktu sukar menjadi penyanyi</li> <li>• Pernah berbuat baik dengan penerbit TV tetapi masih tidak dapat tawaran berlakon</li> <li>• Pernah dijadikan pelakon Pak pacak tanpa dialog pada tahun 1976</li> <li>• Penerbit tidak mahu terima lakonan kerana slang jawa terlalu pekat</li> <li>• Menganggap telah ditakdirkan oleh Allah untuk menjadi penyanyi tetapi bukan pelakon</li> <li>• Sering membawa watak bomoh</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pernah berlakon dalam cerita “Bintang Pujaaan” bersama Datuk Sharifah Aini pada tahun 1978</li> <li>• Tidak pernah lihat dan dengar semula rakaman yang disiarkan</li> <li>• Masih lagi berlakon sehingga kini walaupun hanya sebahagian kecil</li> <li>• Pernah berlakon dalam drama “Kampung Kolestrol” sebagai ayah pink</li> <li>• Bersetuju untuk menerima tawaran lakonan jika ada</li> </ul>
9.50 - 16.35	Album	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah membuat album pada tahun 1983</li> <li>• S. Atan sebagai penerbit, “Black Dog Bone’ sebagai pengiring muzik</li> <li>• Pembikinan album ketika itu adalah satu pemerahan kepala otak</li> <li>• Setiap pembikinan album perlu dibuat penilaian yang banyak</li> <li>• Album terkini perlu mengatasi album yang dahulu</li> <li>• Mempunya sembilan [9] album sepanjang menjadi penyanyi</li> <li>• Album pertama dan paling popular: “Mengapa Dikenang Mengapa Difikir”</li> <li>• Album tersebut adalah ciptaan S. Attan, lirik ditulis oleh arwah Haron Abdul Majid</li> <li>• Album tersebut mengisahkan tentang serang perempuan kehilangan lelaki</li> <li>• Album tersebut menjadi punca Herman Tino terkenal</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lagu ciptaan sendiri : “Cinta Tertahan-Tahan” dan “Ku Pendam Biarpun Parah”</li> </ul>
<b>16.52 - 19.30</b>	<b>Kenangan Manis</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dapat memikat seorang juruhebah perempuan : Noraini Ibnu</li> <li>• Arwah Dato’ Sudirman bin Arshad pernah menyambut kedatangan beliau ke dalam dunia seni</li> <li>• Arwah Sudirman menghormati akan kemampuan beliau dan isteri menjadi DJ radio</li> <li>• Menganggap S. Atan sebagai penerbit yang terbaik</li> </ul>
<b>19.43 - 23.20</b>	<b>Kenangan Pahit</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak pernah dipercayai oleh orang yang tidak percaya atas kebolehan beliau menjadi penyanyi</li> <li>• Ramai yang tidak menyukai</li> <li>• Apabila telah popular, ramai yang mengaku saudara</li> <li>• Sering dihina oleh orang di sekeliling</li> <li>• Setiap orang tidak boleh dipercayai</li> </ul>
<b>23.35 - 47.27</b>	<b>Perkembangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengaku telah berumur untuk menjadi penyanyi yang digemari</li> <li>• Telah bersedia untuk dilupakan dan tidak diminati</li> <li>• Berhasrat untuk membuat satu atau dua lagu untuk tatapan generasi kini</li> <li>• Masih menerima tawaran untuk rakaman atau persembahan</li> <li>• Masih menerima tawaran berlakon</li> <li>• Terkesan dengan pandemik kerana tidak dapat bernyanyi</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sedang giat menjalankan perniagaan, pembinaan dan membina galeri di Laman Tino</li> <li>• Laman Tino adalah hasil daripada duit nyanyi</li> <li>• Pernah berteman dengan para politik</li> <li>• Menganggap politik itu sebagai hiburan di kampung</li> <li>• Telah meninggalkan politik</li> <li>• Marah dengan politik kerana tidak memandang jasa Herman Tino</li> <li>• Ramai yang mendorong untuk melibatkan diri dalam politik</li> <li>• Pernah bertanding di Tanjung Karang</li> <li>• Menyatakan jika artis hendak masuk politik akan dibenci dan dihina</li> <li>• Faktor melibatkan diri dalam politik adalah untuk mengubah persepsi orang ramai</li> <li>• Pernah berjalan kaki dari Kuala Lumpur ke Tanjung Karang untuk menarik perhatian wartawan</li> <li>• Tidak pernah dikeluarkan di TV mengenai kisahnya berjalan kaki</li> <li>• Melibatkan diri dalam perniagaan untuk meneruskan hidup</li> <li>• Membina Laman Tino untuk meninggalkan kenangan pada generasi akan datang</li> </ul>
47.35 - 47.50	<b>Penganugerahan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak pernah mendapat anugerah</li> </ul>
48.00 - 48.48	<b>Sumbangan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tidak mahu untuk beritahu tentang sumbangan yang diberi</li> </ul>

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berhasrat untuk wujudkan lagu yang bagus supaya dapat membantu para pemimpin mentadbir dengan baik</li> </ul>
48.58 - 51.05	<b>Harapan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berharap agar industri hiburan akan terus berkarya kepada generasi baru sehingga boleh dieksport</li> <li>• Berhasrat untuk bernyanyi satu atau dua lagu yang boleh diterima generasi baru</li> <li>• Jika mempunyai lagu yang bagus mesti akan diberi upah</li> <li>• Berharap agar penyanyi mesti membuat yang terbaik sehingga mencipta kualiti lagu yang boleh dieksport</li> </ul>
51.25 - 55.53	<b>Nasihat</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jika ingin menjadi ahli muzik, jadi yang berkualiti dan boleh dieksport</li> <li>• Nasihat kepada penyanyi : Hati-hati jika hendak berdagang melalui artis. Jangan menjual seni dan jangan memijak seni</li> <li>• Setiap pemuzik atau tukang susun perlu mencari yang berkualiti untuk dipamerkan pada tatapan bangsa</li> <li>• Penyanyi harus bernyanyi dengan betul lagu yang telah disediakan</li> <li>• Bernyanyi haruslah jujur</li> <li>• Penulis seni kata perlu faham apa yang hendak disampaikan</li> <li>• Semua orang perlu menjalankan kerja dengan betul-betul</li> </ul>



**RALAT**

## 7.0 RALAT

Temu bual mengenai industri muzik dan hiburan ini telah dijalankan bersama tokoh Encik Masrun bin Tamisi yang merupakan penggiat seni muzik dan hiburan. Sesi temu bual ini dijalankan secara bersemuka di MAHSA Avenue dan berlangsung pada 25 November 2021. Kami bersyukur kerana sesi temubual ini berjalan dengan lancar atas keizinan Tuhan. Namun begitu, terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat kami elakkan sepanjang temubual ini dijalankan. Antara gangguan yang dapat dikesan adalah seperti yang telah tersenarai di bawah:

Gangguan bunyi orang melakukan pembinaan

Gangguan bunyi siren

Gangguan bunyi troli

Gangguan suara orang ketiga

Gangguan bunyi angin

Gangguan bunyi barang terjatuh

Gangguan bunyi tangga di alih

Gangguan bunyi notifikasi telefon mudah alih

Gangguan bunyi batu

Gangguan bunyi pen

Walaupun sesi temubual ini terdapat beberapa gangguan, namun secara keseluruhannya temubual ini telah dijalankan dengan baik dan lancar. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada tokoh yang terlibat iaitu Encik Masrun bin Tamisi atas kerjasama dan ilmu yang telah diberikan.

# **GLOSARI**

## 8.0 GLOSARI

EMI Muzik Malaysia	Merupakan anak syarikat kepada Kumpulan EMI yang merupakan sebuah syarikat muzik British yang meliputi syarikat rakaman EMI Music yang berasal dari Kensington di London, England, United Kingdom. Syarikat rakaman ini telah banyak menerbitkan album bagi artis yang ternama seperti Sharifah Aini, Sudirman Haji Arshad dan ramai lagi.
Ad hoc	Diambil dari frasa Latin yang bermaksud "hingga ini" secara harfiah. Dalam bahasa Inggeris, ini secara umum menandakan penyelesaian yang dirancang untuk masalah atau tugas tertentu, tidak dapat digeneralisasikan, dan tidak dimaksudkan untuk dapat disesuaikan dengan tujuan lain
DJ Radio	Singkatan untuk disc (disk jockey) ialah orang yang memilih dan memainkan muzik rakaman untuk dikumandangkan kepada pendengar. Asalnya, disk memaksudkan piring hitam manakala disc pula memaksudkan Compact Disc (cakera padat). Kini, istilah DJ merangkumi semua jenis rakaman muzik tanpa mengira bahantaranya.
Black Dog Bone	Sebuah kumpulan pop Singapura, yang ditubuhkan pada 1973. Kumpulan ini banyak mengiringi artis-artis Cina dari Singapura, Malaysia, Hong Kong juga Taiwan. Mereka menjadi terkenal oleh masyarakat Melayu setelah hanya menerbitkan album pada tahun 1977.
Genre	Kategori atau jenis karya sastera atau seni yg dicirikan dgn sesuatu gaya, bentuk, atau kandungan tertentu
Muzik Melayu Asli	Muzik Melayu asli merupakan muzik yang berciri sayup, mendayu atau sedih. Ia mempunyai tempo yang perlahan dan bunyi muziknya juga perlahan dan lembut. Lirik dalam lagu-lagu

asli ini lazimnya menggunakan pantun yang berkenaan dengan sejarah lama.

Notok	Diambil dari bahasa jawa yang membawa maksud tidak baik.
Peradaban	Keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani iaitu sesuatu bangsa, masyarakat, dan sebagainya. Ianya sama seperti tamadun.
Riwayat	Merupakan sejarah; legenda; kisah atau kisah yang diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya.
RTM	Akronim kepada Radio Televisyen Malaysia atau dikenali sebagai Jabatan Penyiaran Malaysia ialah penyiar awam kebangsaan Malaysia. Ditubuhkan pada 1 April 1946 sebagai Radio Malaya, ia merupakan penyiar pertama dan tertua di negara ini. Apabila Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963, Radio Malaya telah ditukar nama kepada Radio Malaysia manakala Televisyen Malaysia ditubuhkan pada 28 Disember tahun yang sama. Pada tahun 1969, Radio Malaysia dan Televisyen Malaysia bergabung untuk membentuk jabatan penyiaran masa kini.
Wali	Wali daripada segi bahasa ialah teman karib, pelindung, pemimpin, orang yang mengurus atau mempunyai kuasa mentadbir sesuatu
Wahyu	Perkataan "Wahyu" adalah berasal dari kata dalam bahasa Arab yang berasal daripada perkataan "awha" bermaksud; inspirasi daripada orang lain atau arahan seseorang. Secara umumnya, Wahyu ialah perintah atau kata-kata Allah (كلام الله) SWT yang disampaikan kepada para rasul-Nya.

# INDEKS

## 9.0 INDEKS

---

### A

Agama	23, 24, 46, 87, 119
Agamawan	76
Akhirat	26
Album	11, 55, 64, 65, 66, 67, 96, 97, 102, 116, 117
Allah	28, 30, 35, 36, 43, 49, 59, 60, 69, 72, 87, 89, 93, 95, 96, 103
Anugerah	28, 61, 78, 87, 93, 99, 118
Arkitek	34, 48, 71, 89
Artis	i, 13, 15, 17, 18, 19, 20, 24, 25, 26, 27, 40, 58, 80, 81, 82, 83, 85, 89, 91, 92, 93, 94, 99, 100, 102, 106, 119

---

### B

Budaya	15, 45, 46, 88, 94, 106
--------	-------------------------

---

### E

Eksport	30, 31, 32, 88, 89, 91, 93
---------	----------------------------

---

### G

Galeri	75, 86, 99
Genre	17, 45, 46, 47, 48, 62, 94, 113, 114, 116

---

### H

Hiburan	15, 16, 17, 19, 23, 31, 37, 57, 58, 76, 88, 91, 92, 99, 101, 107, 108, 119
---------	--

---

### I

Ilmu	34, 36, 48, 51, 52, 91, 101
Imam	27, 71, 77, 85
Imam	27, 71

Industri i, 13, 14, 15, 17, 18, 28, 64, 87, 88, 89, 90, 93, 100, 101, 106, 107, 117, 119

---

## J

Jawa 11, 51

Joget 30, 45, 94

---

## K

Kahwin 35, 50, 52

Karier 15, 54, 60, 84, 118

---

## M

Malaikat 50

Masjid 27, 77, 78

Melayu 12, 23, 24, 31, 32, 45, 47, 56, 80, 92, 93, 94, 96, 102

Meriwayatkan 26, 27

Muzik 15, 16, 17, 18, 28, 45, 46, 47, 48, 49, 50, 52, 55, 64, 69, 73, 75, 76, 89, 90, 93, 94, 95, 97, 100, 101, 102, 113, 114, 117, 119

---

## N

Nawaitu 26, 35, 84, 86

---

## P

Pandemik 74, 75, 98, 117

Pelakon 17, 18, 58, 59, 60, 61, 96, 107

Pemuzik 48, 49, 64, 90, 91, 95

Penglipur Lara<sup>82</sup>

Penyanyi 11, 17, 20, 22, 29, 30, 32, 33, 34, 35, 37, 40, 42, 43, 46, 47, 49, 52, 54, 55, 58, 59, 60, 62, 64, 65, 67, 68, 69, 71, 72, 75, 76, 84, 89, 90, 92, 93, 94, 95, 96, 97, 98, 100, 112, 113, 115, 116, 117, 118, 119

Peradaban 30, 93, 94



Politik 11, 24, 76, 77, 78, 79, 80, 81, 82, 83, 84, 99, 107, 118

Pop 45, 46, 48, 102, 113, 114

---

## **R**

Radio 11, 16, 21, 55, 61, 68, 96, 98

---

## **S**

Sastera 17, 102

Sudirman 68, 98, 102, 108

---

## **T**

Tradisional 16, 45, 47, 113, 114

---

## **V**

Veteran i, 13, 17, 18, 24, 25, 32, 91, 92, 106, 107

---

## **W**

Wahyu 72

Wali 23, 24, 92

# **BIBLIOGRAFI**

## 10.0 BIBLIOGRAFI

- Astro Awani. (2021). Astro Awani. *Aznil hormai karyawan legenda dalam 'Yang Dulu'*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/aznil-hormai-karyawan-legenda-dalam-yang-dulu-276077>
- Ayul A. (2018). Buletin Malaysia. *Ramlah Ram: Jangan panggil saya artis veteran*. <https://mybuletinmalaysia.blogspot.com/2018/06/ramlah-ram-jangan-panggil-saya-artis.html>
- BERNAMA.(2021). Bernama News. *Ziarah Finas buka ruang artis veteran sertai kembali industri seni*. <http://ramadan.bernama.com/2021/newsbm.php?id=1952139>
- Buntat, Y., Nasir, N. S. M., & Sharliana, N. (2011). Faktor-faktor yang mendorong kreativiti di kalangan pelajar, Universiti Teknologi Malaysia. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2(1), 175-208.
- Dasar Industri Kreatif. (n.d.). Industri kreatif multimedia, industri kreatif seni budaya. *DIKN*. <https://www.kkmm.gov.my/pdf/Dasar/dikn.pdf>
- Fesal, F. A., Mohamad, R. B. J., Jaafar, C. R. C., & Jan, N. A. W. (2016). Oral history in USM library: supporting reference and research needs.
- Haron, N. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 44-58.
- HASSAN, M. A. (1974). TRADISI LISAN-SEJARAH LISAN DALAM USAHA MENGENAL SEJARAH MALAYSIA. *Akademika*, 4(1).
- Helmi. (2019). Harian Metro. *Artis veteran lagi popular*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/08/490984/artis-veteran-lagi-popular>
- Helmi. (2019). Harian Metro. *Hasil karya lebih berkualiti*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/08/490984/hasil-karya-lebih-berkualiti>
- Ishak, I. (2015). Percaya dan merasai kebenaran (PdMK): strategi kaedah lakonan dalam monodrama dan monolog (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).

Joy, B. (2019). Harian Ekspres. *Artis veteran Sabah masih menyengat*. <http://www.dailyexpress.com.my/news/138249/artis-veteran-sabah-masih-menyengat->

Juliana, J. (2019). Kopi Planet. *“Ada Kebaikan Dan Kekurangan Jika Ambil Pelakon Veteran” – Rafiena*. <https://www.kopiplanet.com/ada-kebaikan-dan-kekurangan-jika-ambil-pelakon-veteran-rafiena/>

Kamus Dewan Edisi Kedua (1984). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Krippendorff, K. (2004). Reliability in Content Analysis. *Human Communication Research*. 30. 411 - 433. 10.1111/j.1468-2958.2004.tb00738.x.

Lin, Seow. (2020). Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah?. 10.13140/RG.2.2.27531.31527.

Nadia, A. (2018). MalaysiaKini. *'Artis otai atau legenda OK, veteran tak mau'*. <https://www.malaysiakini.com/hiburan/428802>

Nadzan, H. (2016). KAEDAH PENYELIDIKAN & PENULISAN LAPORAN PROJEK TAHUN AKHIR. 10.13140/RG.2.1.5174.2486.

Nur Shima. (2019). Persatuan mahasiswa sejarawan. *Sejarah Lisan dan Kepentingannya*. <https://permasupsi.wixsite.com/permasupsi/post/sejarah-lisan-dan-kepentingannya>

Omar, R., & AL, S. F. (2017). Penilaian semula historiografi Malaysia melalui sejarah lisan (Re-evaluating modern Malaysian historiography through oral tradition). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(2).

Patton, M.Q. (1990). “Qualitative Evaluation and Research Method”. London: Sage Publications

Pusat Kajian Sejarah Lisan. (2007). Pusat pengajian sejarah, politik dan strategi fakulti sains sosial dan kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia. *KEPENTINGAN SEJARAH LISAN* <http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html>

- Qarami, H. (2021). MStar. *Lebih 30 tahun dalam industri... Fauziah Latiff lebih percaya bakat daripada jumlah 'follower' IG*.  
<https://www.mstar.com.my/spotlight/hiburan/2021/10/15/lebih-30-tahun-dalam-industri-fauziah-latiff-lebih-percaya-bakat-daripada-jumlah-follower-ig>
- Roshihan, A. (2021). Utusan Malaysia. *Jangan anak tirikan pelakon lama – Liza Abdullah*.  
<https://www.utusan.com.my/gaya/hiburan/2021/11/jangan-anak-tirikan-pelakon-lama-liza-abdullah/>
- Rozeman Abu Hassan. (2004). *Mengenali dan Mentafsir Sumber Sejarah*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Saari, N., Sarji, A., & Basri, F. K. H. (2010). MUZIK DAN PEMBANGUNAN SOSIAL: PAPARAN DASAR INDUSTRI HIBURAN DALAM AKHBAR AKHBAR DI MALAYSIA. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 26(2).
- Siti Roudhah Mohamad Saad, & AL (2012) “*Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan*”, Jurnal PPM, Vol. 16,
- Sudirman, M.T. (2021). Harian Metro. *Biografi legenda*.  
<https://www.hmetro.com.my/rap/2021/01/659242/biografi-legenda>
- Wibowo, B. (2012). *Pembelajaran Sejarah Lisan (Studi Kasus di Program Studi Pendidikan Sejarah Universitas Negeri Semarang)* (Doctoral dissertation, UNS (Sebelas Maret University)).
- Zaidi M. (2020). Berita Harian Online. *Pak Nil jejak bintang legenda*.  
<https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2020/12/770331/pak-nil-jejak-bintang-legenda>
- Zubairi, Z. (2000). KliK. *Normadiah seniwati serba boleh*.  
<https://www.klik.com.my/item/story/1990048/normadiah-seniwati-serba-bole>

# LAMPIRAN

## 11.0 LAMPIRAN

### 11.1 BIOGRAFI TOKOH

#### MASRUN BIN TAMISI



#### PROFIL

Seorang pengiat seni hiburan dalam bidang nyanyian dan lakonan sejak tahun 1980-an.

#### RANGKAIAN SOSIAL

Instagram: hermantino512

Facebook: Herman Tino

#### MAKLUMAT PERIBADI

Umur :67 tahun  
Tarikh lahir :05 Disember 1954  
Tempat lahir :Selangor  
Anak :Anak ke-6  
Alamat :Tanjung Karang, Kuala  
Selangor, Selangor  
No telefon :019-3838032

#### PENDIDIKAN

Sekolah Rendah :Tidak dinyatakan  
Sekolah Menengah :Sekolah Menengah  
Kebangsaan Dato' Harun

#### PEKERJAAN

Bidang :Artis (Nyanyian dan Lakonan)  
Pencapaian :-  
Pengalaman :Pernah berduet lagu dengan  
almarhum Datuk Sharifah Aini

## 11.2 SURAT PERJANJIAN




UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya Masrun Jamri @ herman Jua K/P: 541205-10-5407 pada  
..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

  
.....

(Nama tokoh )

Tarikh:

  
.....

(Siti Noorsiah Binti Jamaludin)

b.p.Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA



### 11.3 SENARAI SOALAN

#### SOALAN TEMU BUAL MASRUN BIN TAMISI (HERMAN TINO)

##### SOALAN ORIENTASI

###### *a) Latar Belakang Diri*

**BOLEH PAK HERMAN CERITAKAN SERBA SEDIKIT MENGENAI LATAR BELAKANG ENCIK?**

1. Apakah nama sebenar Pak Herman?
2. Apakah nama panggilan Pak Herman?
3. Berapakah umur Pak Herman sekarang?
4. Dimanakah tempat tinggal Pak Herman?
5. Bilakah Pak Herman dilahirkan?
6. Dimanakah Pak Herman dilahirkan?
7. Pak Herman anak ke berapa dari berapa orang adik-beradik?

###### *b) Latar Belakang Keluarga*

**KALAU PAK HERMAN TIDAK KEBERATAN, BOLEH CERITAKAN SERBA SEDIKIT MENGENAI LATAR BELAKANG KELUARGA PAK HERMAN?**

1. Siakah nama ayah dan ibu Pak Herman?
2. Apakah pekerjaan ibubapa Pak Herman?
3. Berapa bilangan anak Pak Herman?
4. Siakah nama isteri Pak Herman?
5. Apakah pekerjaan isteri Pak Herman?
6. Berapakah cahaya mata Pak Herman bersama isteri?
7. Adakah anak Pak Herman masih belajar?

*c) Latar Belakang Pendidikan*

**BOLEH PAK HERMAN CERITAKAN SEJARAH PERJALANAN PENDIDIKAN ENCIK?**

1. Dimanakah Pak Herman mendapatkan pendidikan sekolah rendah?
2. Dimanakah Pak Herman mendapatkan pendidikan sekolah menengah?
3. Pernahkah Pak Herman melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?
4. Adakah Pak Herman aktif semasa zaman sekolah dahulu?
  - (Jika pernah) Apakah pencapaian tertinggi yang pernah Pak Herman dapat?
5. Mengapa Pak Herman tinggalkan zaman persekolahan dan menjadi seorang penyanyi?
6. Adakah Pak Herman pernah ada cita-cita untuk menjadi seorang penyanyi?
  - (Jika tidak) Apakah cita-cita sebenar Pak Herman?
7. Adakah Encik pernah menyertai pertandingan nyanyian semasa zaman sekolah?

## **SOALAN UMUM**

### ***a) Idola***

#### **SIAPAKAH IDOLA PAK HERMAN DALAM BIDANG NYANYIAN?**

1. Siapakah idola Pak Herman dalam nyanyian?
2. Sejak bilakah Pak Herman mengidolakan beliau?
3. Mengapakah Pak Herman menjadikan beliau sebagai idola?
4. Bagaimanakah idola Pak Herman menjadi pendorong Pak Herman dalam bidang nyanyian?

### ***b) Pendapat***

#### **DARI PANDANGAN PAK HERMAN, BAGAIMANA PENERIMAAN ARTIS VETERAN DI KALANGAN MASYARAKAT?**

- Mengapa Pak Herman berpendapat sebegini?

#### **APAKAH PENDAPAT PAK HERMAN TENTANG INDUSTRI NYANYIAN ?**

1. Apakah pandangan Pak Herman mengenai penyanyi dahulu dan penyanyi muda sekarang?
2. Adakah terdapat perbezaan dari segi kualiti nyanyian antara penyanyi dahulu dan sekarang?
3. Apakah pendapat Pak Herman mengenai pemakaian penyanyi dahulu dan sekarang?
4. Bagaimanakah bayaran penyanyi dahulu dan sekarang?
5. Adakah penyanyi boleh mempengaruhi pendengar dan penggemar dengan nyanyian?

### ***c) Genre Lagu***

#### **BOLEHKAH PAK HERMAN TERANGKAN MENGENAI GENRE POP SERTA MUZIK MELAYU ASLI DAN TRADISIONAL?**

1. Apakah perbezaan antara genre pop serta muzik melayu asli dan tradisional?
2. Mengapa Pak Herman lebih cenderung memilih genre lagu ini berbanding genre lain?

3. Bagaimana susunan muzik bagi genre pop?
4. Apakah peralatan yang digunakan bagi membawa muzik melayu asli dan tradisional?

## **SOALAN SPESIFIK**

### ***a) Perjalanan Sebelum Menjadi Seorang Penyanyi***

1. Dari umur berapakah Pak Herman mula menjinakkan diri untuk bernyanyi?
2. Sejak bila Pak Herman mula menyedari bakat dalam nyanyian?
3. Dimanakah persembahan pertama Pak Herman sebelum bergelar seorang penyanyi yang sebenar?
4. Apakah rakaman pertama yang Pak Herman berjaya rakamkan?

### ***b) Karier***

#### **BOLEH CERITAKAN KARIER AWAL PAK HERMAN SEBAGAI SEORANG PENYANYI?**

1. Bilakah Pak Herman buat keputusan untuk mula menyanyi secara serius sebagai penyanyi?
2. Bilakah Pak Herman mula menceburkan diri dalam nyanyian?
3. Bagaimana Pak Herman boleh terlibat dalam nyanyian?
4. Siapa yang bertanggungjawab membawa diri Pak Herman dalam nyanyian?
5. Mengapakah Pak Herman memilih untuk menceburi bidang nyanyian?
6. Adakah Pak Herman pernah menyertai kelas nyanyian?
7. Bagaimana penerimaan keluarga & rakan-rakan Pak Herman terhadap bidang nyanyian?

### ***c) Tawaran***

#### **ADAKAH PAK HERMAN PERNAH DITAWARKAN PEKERJAAN DALAM BIDANG SENI?**

1. Adakah Pak Herman pernah ditawarkan menjadi seorang penyanyi?
2. Berapa kali Pak Herman ditawarkan untuk menjadi seorang penyanyi?
  - a. Siapakah yang menawarkan peluang untuk menjadi seorang penyanyi kepada Pak Herman?
  - b. Bilakah Pak Herman ditawarkan untuk menjadi seorang penyanyi?
  - c. Dimanakah Pak Herman ditawarkan untuk menjadi seorang penyanyi?

*c) Lakonan*

**ADAKAH PAK HERMAN PERNAH TERLIBAT DALAM BIDANG LAKONAN?**

1. Bagaimana Pak Herman boleh terlibat dalam lakonan?
2. Siapakah yang menawarkan Pak Herman untuk berlakon?
3. Apakah watak pertama yang ditawarkan?
4. Pak Herman ditawarkan untuk berlakon dalam drama atau filem?
  - Apakah drama pertama yang pernah Pak Herman terlibat?
  - Apakah filem yang ditawarkan pada Pak Herman?
5. Apakah watak dibawa yang paling digemari oleh Pak Herman?
6. Apakah genre filem yang Pak Herman minati?
7. Adakah Pak Herman masih berlakon sehingga kini?
  - (Jika tidak), mengapa Pak Herman tidak mahu meneruskan lakonan?
8. Jika diberi tawaran untuk berlakon lagi, adakah Pak Herman masih menerima tawaran tersebut?

*d) Album*

**BOLEHKAH PAK HERMAN CERITAKAN TENTANG PEMBUATAN ALBUM SEPANJANG BERGIAT DALAM INDUSTRI MUZIK INI?**

1. Berapakah album yang pernah Pak Herman keluarkan sepanjang Pak Herman bergelar seorang penyanyi?
  - Album yang manakah yang paling popular sehingga kini?
  - Apakah tajuk album pertama yang dikeluarkan oleh Pak Herman?
    - i. Siapakah yang membantu Pak Herman dalam menghasilkan album tersebut?
    - ii. Apakah simbolik album itu dikeluarkan?
    - iii. Berdasarkan apa lirik tersebut ditulis?
2. Pada tahun berapakah album tersebut dihasilkan?
  - Album yang manakah telah memberi impak pada Pak Herman sepanjang mengeluarkan album?
    - i. Apakah tajuk album tersebut?
    - ii. Mengapakah album tersebut memberi kesan yang mendalam pada diri Pak Herman?

- iii. Apakah kisah dibalik album tersebut sehingga puan berasa terkesan?

***e) Kenangan Manis***

**APAKAH KENANGAN MANIS YANG PAK HERMAN TIDAK DAPAT LUPAKAN SEHINGGA KINI SEPANJANG BERGELAR PENYANYI?**

1. Apakah kenangan manis yang masih segar di ingatan Pak Herman selama berkecimpung dalam industri muzik ini?
2. Kenangan manis Pak Herman bersama-sama rakan penyanyi yang pernah membantu dalam penghasilan lagu?
3. Kenangan manis Pak Herman bersama rakan produksi ketika di studio?

***f) Kenangan Pahit***

**APAKAH LIKU KEHIDUPAN YANG PAHIT PAK HERMAN TIDAK DAPAT LUPAKAN SEHINGGA KINI SEPANJANG BERGELAR PENYANYI?**

1. Apakah pengalaman yang paling pahit dalam kehidupan Pak Herman semasa bergelar seorang penyanyi?
2. Kenangan pahit Pak Herman bersama-sama rakan penyanyi yang pernah Pak Herman bekerja?
3. Kenangan pahit Pak Herman bersama-sama komposer lagu yang pernah Pak Herman kerjasama?

***g) Perkembangan***

**BOLEHKAH PAK HERMAN KONGSIKAN PERKEMBANGAN PAK HERMAN KETIKA INI?**

1. Apakah perkembangan dalam kehidupan seni Pak Herman sekarang?
2. Adakah masih menerima tawaran untuk rakaman atau persembahan?
3. Apakah kesan pandemik sebelum ini pada kehidupan Pak Herman?
4. Selain menyanyi dan berlakon, adakah Pak Herman mempunyai penglibatan lain dalam bidang seni?

- i. KALAU PAK HERMAN TIDAK KEBERATAN, BOLEH PAK HERMAN CERITAKAN MENGENAI PENGLIBATAN DALAM POLITIK?**
1. Bagaimanakah Pak Herman boleh terdetik untuk menjadi ahli politik?
  2. Siapakah yang mendorong Pak Herman untuk terlibat dengan bidang politik?
  3. Dimanakah tempat yang dipilih untuk Pak Herman bertanding?
  4. Apakah kekuatan yang menyebabkan Pak Herman kekal bertanding ketika itu?
  5. Mengapakah Pak Herman nekad memilih untuk berjalan kaki dari Kuala Lumpur ke Tanjung Karang semasa Pak Herman bertanding sebagai calon bebas pada PRU 13?
  6. Mengapa Pak Herman tidak meneruskan karier politik?

***i) Kerjaya lain***

**APAKAH KERJAYA LAIN YANG PAK HERMAN CEBURI SELAIN DARIPADA BIDANG NYANYIAN DAN BERLAKON?**

1. Selain menyanyi, apakah punca rezeki lain Pak Herman yang bukan melibatkan seni?
2. Bagaimanakah tercetusnya idea untuk memilih kerjaya tersebut?
3. Mengapakah Pak Herman memilih perniagaan tersebut?
4. Sejauh manakah perniagaan tersebut membantu dalam kehidupan Pak Herman??

***j) Anugerah/pengiktirafan***

**BOLEHKAH PAK HERMAN BERKONGSI SERBA SEDIKIT TENTANG ANUGERAH YANG PERNAH PAK HERMAN PEROLEHI?**

1. Apakah anugerah tertinggi yang pernah Pak Herman raih sepanjang menceburi bidang nyanyian ini?
2. Berapakah anugerah yang pernah diperolehi Pak Herman sepanjang bergelar penyanyi?
3. Anugerah manakah yang memberi impak dalam kehidupan Pak Herman?



### Sumbangan

**SEPANJANG PAK HERMAN MENJADI ANAK SENI, APAKAH SUMBANGAN YANG PERNAH PAK HERMAN SUMBANGKAN?**

1. Apakah sumbangan Pak Herman berikan dalam industri seni?
2. Apakah sumbangan Pak Herman pada bangsa dan agama?

### Harapan

**BOLEHKAH PAK HERMAN KONGSIKAN SEDIKIT HARAPAN YANG BELUM PERNAH PAK HERMAN CAPAI?**

1. Adakah masih terdapat lagu yang Pak Herman impikan yang masih belum tercapai?
2. Apakah yang diharapkan oleh Pak Herman dalam industri seni ketika ini?
3. Apakah perancangan Pak Herman untuk masa hadapan dalam industri muzik ini?
4. Apakah harapan Pak Herman terhadap industri hiburan setelah lama bergiat aktif menjadi seorang penyanyi?

### Nasihat

**APAKAH NASIHAT PAK HERMAN KEPADA GOLONGAN YANG BERHASRAT MENCEBURI DALAM INDUSTRI MUZIK?**

1. Apakah persediaan awal yang diperlukan sebelum menceburi industri muzik?
2. Apakah nasihat Pak Herman terhadap mereka yang ingin menceburi dalam bidang industri muzik?
3. Apakah nasihat Pak Herman kepada rakan artis puan yang masih berada di dalam industri muzik ini?

#### 11.4 DIARI PENYELIDIKAN

TARIKH	MASA/LOKASI	TINDAKAN
10/10/2021	15.00-15.50  Telegram dan Google Meet	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kami telah diberi penerangan oleh Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin mengenai Sejarah Lisan</li><li>• Mencari rakan untuk melaksanakan tugas ini</li><li>• Beliau telah memberi arahan untuk semua mencari calon tokoh berkaitan artis veteran yang sesuai untuk ditemu bual</li><li>• Khadijah dan Nurin telah bersetuju untuk menjadi rakan setugas melaksanakan Sejarah Lisan</li><li>• Tema yang diberikan adalah artis veteran dalam bidang seni muzik atau seni hiburan</li></ul>
11/10/2021	10.00-11.30  Kolej	<ul style="list-style-type: none"><li>• Berbincang mengenai pemilihan artis veteran yang sesuai dalam bidang seni muzik dan hiburan</li><li>• Membuat senarai dan penilaian calon artis veteran</li><li>• Mendapatkan maklumat atau artikel mengenai artis veteran di dalam Google dan Instagram</li></ul>
13/10/2021	10.00-11.50  Google Meet	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menerima arahan untuk membuat kertas kerja berdasarkan tema yang diberi</li><li>• Puan Siti Noorsiah telah memberi penerangan yang jelas mengenai pelaksanaan kertas kerja</li><li>• Membuat senarai artis yang dipilih di dalam group telegram</li></ul>

16/10/2021	1250 - 1500  Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenalpasti tokoh artis veteran iaitu Herman Tino</li> <li>• Khadijah dan Nurin bersetuju untuk memilih Herman Tino sebagai tokoh artis veteran</li> <li>• Mendapatkan nombor whatsapp di Instagram</li> <li>• Khadijah dan Nuri telah menghubungi Herman Tino melalui aplikasi Whatsapp untuk mendapatkan kesudian untuk ditemu bual</li> </ul>
20/10/2021	0800-1000  Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Puan Siti Noorsiah telah memberi penerangan mengenai cara membuat soalan temu bual yang betul bersama tokoh</li> </ul>
21/10/2021	2000 - 2200  Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nurin dan Khadijah telah membahagikan tugas untuk kertas kerja dan senarai soalan</li> </ul>
25/10/2021	1400 - 1800  Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mula merangka kertas kerja</li> <li>• Menyiapkan pendahuluan mengenai Sejarah Lisan</li> <li>• Merangka latar belakang</li> <li>• Menyiapkan permasalahan kajian</li> </ul>
31/10/2021	2000 - 0000  Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyiapkan objektif dan persoalan kajian</li> <li>• Memulakan penulisan bagi kepentingan dan sumbangan kajian</li> </ul>
1/11/2021	9.00-12.00  21.00-00.30  Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mencari bahan rujukan di Google</li> <li>• Memulakan penulisan bagi tinjauan literatur</li> </ul>

2/11/2021	21.00-00.45 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sambung mencari bahan rujukan untuk penulisan bagi tinjauan literatur</li> </ul>
3/11/2021	8.00-9.50 Telegram	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah memberi tarikh akhir baru untuk menghantar kertas kerja dan soalan temubual</li> </ul>
5/11/2021 - 6/11/2021	10.00-12.00 2.30-5.00 20.50-00.50 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyiapkan penulisan bagi tinjauan literatur</li> <li>• Memulakan penulisan bagi kesimpulan kertas kerja</li> <li>• Menyiapkan penulisan bagi kesimpulan</li> <li>• Melakukan carta gant untuk kerja kursus</li> </ul>
7/11/2021	15.00-15.50 Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Google meet bersama pensyarah untuk membuat semakan sebelum tarikh akhir untuk penghantaran kerja kursus</li> </ul>
8/11/2021 - 9/11/2021	7.20-9.30 21.00-00.30 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membaiki kesalahan penulisan yang telah dirujuk</li> <li>• Memulakan penulisan bagi soalan temubual</li> </ul>
10/11/2021	10.00-11.50 Telegram dan Google Meet	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah memberi garis panduan untuk membuat transkrip penuh</li> <li>• Pensyarah memberi ruang untuk merujuk.</li> </ul>
12/11/2021 - 13/11/2021	14.00-17.2 21.00-23.45 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyiapkan penulisan bagi soalan temubual</li> <li>• Membuat semakan pada penulisan bagi soalan temu bual</li> <li>• Membuat semakan semula pada penulisan kerja kursus</li> </ul>

14/11/2021	1400 - 1600 Ufuture dan BK 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghantar penulisan kerja kursus</li> <li>• Membuat semakan soalan temubual bersama pensyarah</li> </ul>
18/11/2021	1000 - 1400 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berunding bersama Herman Tino mengenai soalan temubual</li> <li>• Membuat penambahan soalan daripada Herman Tino</li> <li>• Melakukan penambahbaikan pada soalan temubual</li> </ul>
22/11/2021	2000 - 2300 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan maklumat mengenai keadaan semasa di Tanjung Karang pada Herman Tino</li> <li>• Mendapatkan kepastian mengenai tarikh yang dibincangkan untuk melaksanakan temubual</li> <li>• Berlaku kekangan akibat isteri Herman Tino dimasukkan ke dalam hospital</li> </ul>
23/11/2021 - 24/11/2021	0800 - 1200 1000 - 1400 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan kepastian semula mengenai tarikh dan tempat yang dijanjikan</li> <li>• Bertolak dari Johor ke Kuala Lumpur</li> <li>• Mencari kawasan atau tempat baharu yang sesuai untuk menjalankan temubual</li> <li>• Menetapkan MAHSA Avenue sebagai lokasi untuk menemubual</li> </ul>
25/11/2021	0600 - 1000 1100 - 1400 Whatsapp	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memaklumkan dan memberi ingatan mesra pada Herman Tino mengenai tempat untuk temubual</li> <li>• Mendapat maklum balas untuk kepastian dari Herman Tino pada jam 10 pagi</li> <li>• Menjalankan sesi temubual di MAHSA Avenue</li> </ul>
28/11/2021	1500 - 1600 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memulakan persiapan penulisan transkrip</li> </ul>

12/12/2021	1500 - 1600 Kolej	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah memberi arahan untuk menyiapkan transkrip</li> </ul>
15/12/2021	0800 - 1000 DK2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pensyarah meminta pelajar membawa laptop ke kelas untuk menyambung menyiapkan transkrip</li> <li>• Membuat semakan format transkrip bersama pensyarah</li> </ul>
16/11/2021 - 31/12/2021	2000 - 2300 1000 - 1700 2000 - 0000 Kolej dan Rumah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyiapkan transkrip penuh</li> <li>• Mengedit video dan memasukkan ke dalam CD</li> <li>• Membuat semakan penuh pada transkrip</li> </ul>

## 11.5 GAMBAR, SIJIL DAN BAHAN LAIN YANG BERKAITAN



Rajah 1: Album Pertama Mengapa Dikenang, Mengaoa Difikir



Rajah 2: Album Pelita dalam Kabus



Rajah 3: Album Apa Dosaku



*Rajah 4: Album Tengkar Tengkar*




*Rajah 5: Album Melayu Deli Bersama almarhum Dato' Sudirman, almarhumah Datuk Sharifah Aini dan Zaleha Hamid*



*Rajah 6: Album Melayu Klasik Bersama Zaleha Hamid*





Rajah 7: Album Sutera Jiwa



Rajah 8: Album Dingin Tanpa Kehausan



Rajah 9: Album Siri Bintang Pujaaan



*Rajah 10: Album Persimpangan*



*Rajah 11: Keluarga Besar Herman Tino*



*Rajah 12: Sesi Temubual Bersama Encik Masrun bin Tamisi*